

BAB KETIGA

KOLOKASI DAN PENTERJEMAHAN

3.0 Pengenalan

Bab ketiga ini akan membicarakan pengertian tentang penterjemahan, metode dan prosedur penterjemahan, gangguan dalam penterjemahan, kolokasi sebagai salah satu masalah penterjemahan, dan terakhir tentang strategi yang dikemukakan beberapa pakar penterjemahan dalam menterjemahkan idiom, ungkapan tetap dan peribahasa.

3.1 Kaitan Kolokasi dengan Penterjemahan

Seorang pakar penterjemahan mengatakan:

"It goes without saying that words rarely occur on their own; they almost always occur in the company of other words. But words are not strung together at random in any language; there are always restrictions on the way they can be combined to convey meaning" (Baker, 1992:46).

Kemunculan kata secara tersendiri maknanya dapat berubah apabila muncul bersamaan dengan kata lain. KK رَغِبَ /raghiba/ misalnya apabila muncul bersama KSN فِي /fi/ 'di, dalam', maknanya adalah 'menyukai', dan apabila muncul bersama KSN عَنْ /'an/ 'dari', maknanya adalah kebalikannya, iaitu 'membenci'. KSN فِي /fi/ dan عَنْ /'an/ dalam kombinasi فِي رَغِبَ /raghiba fi/ dan رَغِبَ عَنْ /raghiba 'an/ ini menjadi konteks untuk kata رَغِبَ /raghiba/ yang juga disebut kolokasi.¹

Menurut Larson (1984: 101), orang yang menguasai sebuah bahasa dengan baik biasanya dapat mengetahui makna sebuah kata dari konteksnya. Apabila kata

¹ Lihat Larson (1984: 101).

muncul sendiri, ia mengandung makna primer, yaitu makna yang dipelajari sejak kecil dan manakala muncul bersama unsur leksikal lainnya, ia mengandung makna sekunder, yaitu makna yang bergantung pada konteks. Misalnya, kata أمّ /umm/ makna primernya adalah 'ibu', dan makna ini menjadi tidak berlaku manakala kata tersebut berkolokasi dengan الْخَبَائِث /al-khabā'ith/ 'keburukan'. Kombinasi kedua-dua unsur leksikal itu, yaitu أمّ الْخَبَائِث /umm al-khabā'ith/ memberi makna sekunder, yaitu 'arak'.

Minat terhadap penterjemahan kolokasi muncul kerana betapa pentingnya peranan kolokasi dalam menentukan makna. Di samping itu, "*the use of established patterns of collocation also helps to distinguish between a smooth translation, one that reads like an original, and a clumsy translation which sounds 'foreign'*" (Baker, 1992: 57).

Selain itu kolokasi juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan kepaduan leksikal (Halliday and Hassan, 1976: 284-291, 318-320; Hatim and Mason, 1997: 46). Kolokasi wujud dalam semua jenis teks. Di sisi lain, penterjemahan kolokasi masih lagi sebagai masalah yang kekal – para penterjemah menghadapi kesulitan dalam memadankan KK yang sesuai dengan KN yang sesuai, KA yang sesuai dengan KN yang sesuai, KN yang sesuai dengan KN serupa yang sesuai, dan seterusnya. Punca dari masalah ini adalah setiap bahasa membentuk kolokasi dengan caranya sendiri-sendiri. Selain daripada itu, padanan perkataan yang berkolokasi dalam sebuah bahasa tidak selalu berkolokasi dalam bahasa lainnya (Zughoul, 1991). Untuk itu, beberapa kolokasi boleh jadi tampak aneh dan tidak dapat diterapkan ketika diterjemah (Zughoul & Abdul-Fattah, 2003).

3.2 Pengertian tentang Penterjemahan

Menurut Nida dan Taber (1974: 12), penterjemahan adalah "*reproducing in the receptor language the closest natural equivalent of the source-language, first in terms of meaning, and secondly in terms of style*". Ini bererti, maknalah yang harus lebih diutamakan dan bukannya gaya atau bentuk menurut istilah yang digunakan Larson (1984: 3). Makna ini adalah mesej yang harus dialihkan dari BS ke BT dengan memberikan *the closest natural equivalent*, iaitu padanan wajar terdekat. Hal ini dimaksudkan agar pembaca atau pendengar dalam BT, kesannya sama dengan kesan orang yang membaca atau mendengar mesej itu dalam BS. Kerana itu, mesej yang terdapat dalam BS harus diungkapkan sewajar mungkin dalam BT. Pengalihan mesej seperti ini disebut *dynamic equivalence translation (DET)* 'penterjemahan padanan dinamis' yang dibezakan dari *formal correspondence (FC)* 'padanan bentuk' yang lebih mengutamakan bentuk mesej dalam BS-nya. (Nida, 64: 166). Menurut Moentaha (2006: 132), pengertian *DET* ini tidak lain adalah pengertian **ekuivalensi fungsional** yang menjamin tercapainya **terjemahan edekuat**. Terjemahan edekuat ialah terjemahan yang mencerminkan orientasi komunikatif pengirim mesej (*sender*). Maksudnya adalah bahawa reaksi penerima mesej (*receptor*) harus sesuai dengan orientasi komunikatif *sender*.

Perbezaan yang terdapat di antara kedua-dua jenis padanan ini, iaitu *DET* dan *FC* akan terlihat dengan jelas dalam contoh terjemahan berikut:

(59) طَوَّلَ بِالْكَ
/ṭawwil bālaka/

yang jika diterjemahkan menjadi 'panjangkanlah hatimu', kesan orang yang mendengar terjemahan seperti ini tidak akan sama dengan kesan orang yang mendengar mesej itu dalam bahasa asalnya. Agar kesan terjemahan sama dengan kesan teks asalnya, atau dengan istilah Moentaha di atas, reaksi *receptor* sesuai dengan orientasi komunikatif *sender*, ungkapan bahasa Arab itu harus diterjemahkan menjadi 'bersabarlah'.

Contoh ini memperlihatkan bahawa penterjemahan yang mengutamakan bentuk asal mesej tidak selalu menghasilkan terjemahan yang baik. Konsep yang dicadangkan oleh Nida ini memperlihatkan bahawa mesej yang wujud dalam BS harus diungkapkan sewajar mungkin dalam BT. Kewajaran yang dimaksud di sini bergantung pada kaedah yang terdapat dalam BT dan menuntut agar penterjemah melepaskan diri dari bentuk dan aturan-aturan BS. Apabila penterjemah dapat mengungkapkan mesej yang wajar dalam BT, maka itulah yang dimaksud dengan "*the best translation does not sound like translation*" (Nida dan Taber (1974: 12). Oleh itu, penterjemahan adalah *فَنَّ تَطْبِيقِي* /fannun taṭbīqīy/ 'seni aplikatif' iaitu profesi yang tidak dapat dilakukan kecuali dengan membiasakan diri, praktik, latihan, dan bersandarkan pada bakat ('Inānīy, 1994: 2).

3.3 Syarat bagi penterjemah

Bagi sebahagian orang, penterjemahan itu lebih merupakan seni daripada ilmu, seperti yang dianut oleh 'Inānīy dan telah disebutkan di atas itu. Hal itu kerana penterjemahan bukan sekadar mengganti kata-kata yang terdapat dalam teks BS dengan padananya dalam teks BT. Jika penterjemahan hanya terbatas pada pekerjaan seperti ini, maka seseorang yang memiliki kamus dwibahasa dapat melakukan penterjemahan dengan mudah (Pinchuck, 1977: 3).

Untuk itulah, untuk menjadi seorang penterjemah tidak cukup dengan hanya berbekalkan kamus sahaja. Ada sejumlah syarat yang harus dimiliki oleh calon penterjemah. Sasterawan Arab al-Jāhiz dalam bukunya الْحَيَوَان /al-ḥayawān/² mengemukakan syarat bagi seorang penterjemah sebagai berikut (1996: 1/76):

وَلَا بُدَّ لِلتَّرْجُمَانِ مِنْ أَنْ يَكُونَ بَيِّنُهُ فِي نَفْسِ التَّرْجِمَةِ، فِي وَزْنِ عِلْمِهِ فِي نَفْسِ الْمَعْرِفَةِ،
وَيَنْبَغِي أَنْ يَكُونَ أَعْلَمَ النَّاسِ بِاللُّغَةِ الْمَنْقُولَةِ وَالْمَنْقُولِ إِلَيْهَا، حَتَّى يَكُونَ فِيهِمَا سَوَاءً
وَعَايَةً،

'seorang penterjemah, penguasaannya terhadap penterjemahan harus sama dengan penguasaannya terhadap ilmu pengetahuan. Ia harus menjadi orang yang paling menguasai BS dan BT, sehingga kebolehannya dalam kedua bahasa tersebut sama'.

Apa yang dikemukakan oleh al-Jāhiz ini seiring dengan yang dikemukakan oleh J. B. Sykes (Picken, ed., 1989: 35). J. B. Sykes dalam tulisannya yang bertajuk "The Intellectual tools employed", mengemukakan sejumlah *tools* yang harus dimiliki seorang penterjemah, iaitu:

1. Pengetahuan tentang BS yang mencakupi:

- a. mengenali ciri-ciri kata, satuan leksikal dan pelbagai makna yang terkandung dalam kata dan satuan leksikal tersebut. Beberapa kata mungkin dapat diketahui maknanya dengan mudah, tetapi sebahagian lain mungkin harus dirujuk kepada glosari, buku teks, surat khabar, bahkan mungkin kepada seorang informan secara langsung.

² Buku ini pertama kali dicetak di Kaherah tahun 1905, kemudian dicetak semula tahun 1907. Setelah direvisi oleh 'Abd al-Salām Hārūn, diterbitkan semula tahun 1945, dan dicetak semula tahun 1965. Yang dijadikan rujukan dalam tesis ini adalah yang berupa buku elektronik yang datanya dijelaskan dalam bibliografi. (Perisian komputer al-Maktabaṭ al-Syāmilaṭ versi 3.8).

- b. menghargai pemilihan kata-kata tertentu yang dilakukan oleh penulis teks BS. Misalnya, jika dalam sesuatu teks BS ditemukan ungkapan idiomatik *مِنْ نَفَرٍ يُعَدُّونَ عَلَى الْأَصَابِعِ* /min nafarin yu‘addūna ‘alā al-aṣābi‘i/ yang secara harfiah dapat diertikan menjadi ‘dari sekumpulan orang yang dihitung di atas jari-jari’. Maksudnya adalah ‘sedikit’. Seorang penterjemah yang baik tentunya akan menghargai mengapa penulis teks BS memilih ungkapan idiomatik ini meskipun ada ungkapan tersebut dapat diganti misalnya dengan satu kata sahaja, seperti KA *قَلِيلٌ* /qalīl/ ‘sedikit’ (lihat penjelasan contoh ini dalam subbab 6.1.2.5 Kolokasi Ungkapan Khas).
- c. memiliki kesedaran bahawa kata-kata dalam sebuah bahasa tidak selamanya memiliki padanan yang betul-betul sama dalam bahasa lain. Itulah mengapa beberapa istilah dan ungkapan agama Islam banyak yang diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan menggunakan metode penterjemahan fonologis sahaja, misalnya *الْقُرْآنُ الْكَرِيمُ* /al-qur‘ān al-karīm/ yang lebih banyak diterjemahkan menjadi al-Quranul-Karim, meskipun secara leksikal boleh diterjemahkan menjadi *bacaan mulia*. Sepengetahuan penulis penggunaan istilah *Bacaan Mulia* hanya dilakukan oleh H. B. Jassin yang dijadikan tajuk terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu-Indonesia³. Istilah al-Quran dalam wacana agama Islam telah memiliki makna tersendiri yang berbeza dengan kata yang bererti sama seperti *الْقِرَاءَةُ* /al-qirā‘at/ misalnya.

³ Terjemahan puitis yang dilakukan oleh kritikus sastera ini sempat menimbulkan polemik hebat di kalangan para ulama yang puncanya adalah kerana H. B. Jassin sama sekali tidak faham apalagi menguasai bahasa Arab. Terjemahan puitisnya berdasarkan bacaannya terhadap sejumlah tafsir berbahasa Eropah, di antaranya bahasa Inggeris seperti terjemahan karya seorang muallaf, Sir Marmaduke Pitchall dan seorang Pakistan Muhammad Jusuf Ali.

kata *ekor*. Misalnya *lima puluh ekor lembu*. Penggunaan kata *ekor* ini mungkin berasal dari kebiasaan masyarakat Melayu ketika menghitung lembu dilihat dari belakang, atau dari ekornya yang biasa bergerak-gerak. Kebiasaan ini berbeza dengan kebiasaan bangsa Arab yang menghitungnya dari bahagian depan dan yang dilihat adalah kepalanya. Untuk itu, penjodoh bilangan yang digunakan dalam bahasa Arab bukannya *ekor*, tetapi *kepala*. Jadi, lima puluh ekor lembu jika diterjemahkan ke bahasa Arab menjadi *خَمْسُونَ رَأْسًا مِنَ الْبَقَرِ* /khamsūna ra'san min al-baqar/ dan bukannya * *خَمْسُونَ ذَيْلًا مِنَ الْبَقَرِ* /khamsūna dhaylan min al-baqar/.

Pengetahuan tentang kehidupan masyarakat pengguna bahasa asal juga termasuk penggunaan kata yang merujuk kepada isteri. Dalam bahasa Arab, misalnya 'Umar (1982: 268) menyebutkan sejumlah kata yang merujuk ke entiti yang sama, iaitu seorang isteri. Kata-kata tersebut adalah: *الْمَدَامُ* /al-madam/, *الْجَمَاعَةُ* /al-jama'at/, *السَّتِّ* /al-sitt/, *مُرَاتِي* /murati/, *زَوْجَتِي* /zawjati/, *الْمَرَّةُ* /al-marat/, yang biasa diucapkan oleh seseorang ketika menyebut isterinya, dan kata-kata *عَقِيلَاتُهُ* /'aqilatuh/, *حَرْمُهُ* /haramuh/, *زَوْجَاتُهُ* /zawjatuh/, *السَّتِّ* /al-sitt/, atau *الْمَدَامُ* /al-madam/ ketika menyebut isteri orang lain. Kata-kata ini merefleksikan perbezaan dalam aras sosial dan pendidikan, di samping perbezaan dalam kesesuaiannya mengikut konteks dalam ayat. Kata *مَدَامُ* /madām/, misalnya, digunakan oleh golongan terpelajar atau kelompok sosial yang tinggi di Mesir. Kata tersebut terkadang boleh diganti dengan kata yang bersifat neutral, iaitu *زَوْجَتِي* /zawjati/, hanya sahaja dalam pemakaiannya, kata *مَدَامُ* /madām/ tidak

pernah digunakan dalam binaan *Idāfaʿ* dengan kata ganti nama (KGN). Kata tersebut hanya dapat ditambah dengan artikel alif dan *lām* sehingga menjadi *الْمَدَامُ* /al-madām/, sehingga tidak akan pernah didengar seorang warga Mesir memperkenalkan isterinya dengan kata * *مَدَامِي* /madāmi/, tetapi ia akan mengatakan *الْمَدَامُ* /al-madām/. Demikian pula halnya dengan kata *السَّت* /al-sitt/, dalam ragam percakapan Mesir, tidak pernah dihubungkan dengan KGN, sehingga tidak pernah didengar ungkapan *سِئِي* /sitti/ ketika warga Mesir memperkenalkan isterinya, atau *سِتُّهُ* /sittuh/ ketika menyebut isteri orang lain.

2. Pengetahuan tentang BT yang mencakupi:

- a. kemampuan memilih padanan yang tepat, termasuk mengenal pasti perbezaan makna antara kata-kata yang tampaknya bersinonim. Penterjemah harus pandai-pandai memilih mana-mana padanan yang sesuai untuk kata-kata tersebut. Misalnya, dalam menterjemahkan kata-kata yang merujuk kepada isteri seperti yang telah disebutkan di atas. Dalam perbendaharaan kosa kata bahasa Melayu-Indonesia dikenal kata *isteri*, *ibu*, *bini*, *permaisuri*, dan dalam ragam percakapan dikenal istilah *ibunya anak-anak*, *pendamping* atau *orang rumah*.

Kemampuan memilih penggunaan kata memberi kesan dalam hal kesantunan bahasa. Sariyan (2007: 2) mengatakan bahawa kesantunan bahasa diukur dengan berdasarkan kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan yang terdapat dalam bahasa sesuatu masyarakat. Setiap masyarakat atau bangsa mempunyai peraturan

bahasa masing-masing. Untuk memperoleh bahasa yang santun dalam penterjemahan, seorang penterjemah boleh sahaja memberi padanan yang seakan-akan tidak sejajar dengan teks BS, seperti yang dilakukan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob ketika menterjemahkan KGN bahasa Arab *أَنْتَ* /anta/ dan *كَ* /-ka/ dengan ‘ayah’ yang berupa KN, padahal padanan yang sejajar sebetulnya wujud dalam bahasa Melayu, iaitu KGN *kamu* dan *-mu*. Peadanan itu berlaku ketika menterjemahkan ayat:

(61) *أَيُّ وَمَا أَنْتَ بِمُطْمَئِنِّ لِمَا نَقُولُهُ ، وَلَوْ كَانَ هُوَ الصِّدْقُ ، لِأَنَّكَ تَشْكُ فِينَا*

/ay wa mā anta bi- muṭma'in(in) li- mā
 yakni Prt-tidak kamu dengan-tenteram bagi-apa (m)
 na-qūlu -hu, wa-law kāna huwa al- ṣidqu,
 kami-katakan-nya meskipun telah berlaku ia (m) ia (m) art-kejujuran,
 li-anna-ka ta-syukku fī-nā
 kerana-kamu (m) kamu-meragukan dalam-kami
 ‘Yakni ayah tentu sekali tidak percaya kepada cerita kami walaupun
 ia benar kerana ayah memang menaruh keraguan terhadap kami...’
 (M/9/165).

Pemilihan KN *ayah* sebagai padanan KGN *أَنْتَ* /anta/ dan *كَ* /-ka/ merupakan pemilihan yang tepat sehingga rasa kesantunan pun boleh dirasai oleh pembaca teks BT, iaitu masyarakat Melayu.

- b. kemampuan memilih urutan kata, termasuk mengenal pasti perbezaan mana-mana ayat yang mengandungi penekanan dan mana-mana ayat biasa. Seperti telah disebutkan di atas, ayat bahasa Arab lazimnya berbentuk ayat KK (*verbal sentence*). Maka bila sebuah ayat dalam bahasa Arab mengandungi KK sebagai predikat, KN sebagai subjek

dan KN sebagai objek, pola ayat dasar ayat itu adalah KK + KN + KN seperti dalam ayat:

(62) أَكَلَ أَحْمَدُ الْخُبْزَ

/akala	ahmadu	al-khubza/
makan	Ahmad	roti
KK	KN	KN
predikat	subjek	objek
Ahmad	makan	roti
KN	KK	KN
subjek	predikat	objek

Contoh (66) di atas memperlihatkan bahawa terjemahan ayat tersebut susunannya berbeza dengan susunan teks BS.

Untuk tujuan penegasan, urutan kata dalam bahasa Arab boleh berubah (lihat Khalūsīy, 1986: 123), misalnya:

(63) أَحْمَدُ أَكَلَ الْخُبْزَ

/aḥmad	akala	al-khubza/
Ahmad	makan	roti
KN	KK	KN
Subjek	predikat	objek

Dengan telah berlakunya proses pendepanan konstituen dalam susunan ini, iaitu KN *Ahmad* yang menjadi subjek, maka konstituen itulah yang menjadi fokus perbincangan. Oleh kerana itu, terjemahan ayat songsang ini (lihat Nik Safiah Karim, *et al*, 2006: 424-425) bukan lagi ‘Ahmad makan roti itu’ kerana ayat ini tidak mengandungi penegasan. Padanan yang sesuai untuk ayat itu adalah ‘*Ahmadlah*

yang makan roti itu’, iaitu dengan menambahkan partikel penegas –
lah setelah subjek.

- c. memiliki pengetahuan laras bahasa yang digunakan dalam teks BS. Bahasa Arab yang digunakan dalam buku-buku yang diterjemahkan ke bahasa Melayu pada umumnya merupakan buku-buku agama Islam dengan pelbagai cabang ilmunya. Bahasa yang digunakan dalam fiqh, misalnya tentu tidak sama dengan yang digunakan dalam buku-buku tasawuf. Kata *الْفَقِير* /al-faqīr/ dalam istilah fiqh adalah orang yang tidak dapat mencukupi keperluan hidupnya. Kondisinya lebih memerlukan bantuan berbanding orang miskin. Sedangkan dalam bidang tasawuf, kata *الْفَقِير* /al-faqīr/ adalah ‘berhajat kepada sesuatu selain Allah. Semua orang adalah fakir kerana selalu berhajat kepadanya (Harun, *et al*, 1985: 6).

3. Pengetahuan tentang subjek teks BS:

Banyak dokumen yang diterjemahkan tidak sesuai dengan latar belakang pendidikan penterjemah. Oleh itu, banyak hasil terjemahan yang dianggap lebih sulit difahami berbanding dengan bahasa asalnya. Untuk itu, seseorang yang hendak menterjemahkan sesuatu teks, ia sebelumnya harus yakin betul bahawa dirinya cukup mesra dengan subjek teks tersebut. Jika dirasa belum begitu mesra, ia dapat membaca sejumlah buku rujukan berkenaan dengan subjek teks tersebut, atau jika dianggap perlu ia pun dapat berkonsultasi dengan pakar di bidang subjek yang dianggapnya sangat asing baginya.

Jika seorang penterjemah telah memenuhi semua persyaratan seperti telah disebut di atas, tidak menghairankan apabila Robinson (2005: 35) mengatakan

bahawa penterjemah adalah pembaca yang haus segala macam bacaan, jenis orang yang membaca empat buku sekaligus dalam beberapa bahasa, fiksi dan nonfiksi, materi teknis dan humanis. Bagi Robinson, penterjemah adalah jenis manusia yang haus akan pengalaman hidup yang nyata kerananya ia suka melakukan lawatan, tinggal di luar negara dalam masa yang agak lama, mempelajari tamadun dan bahasa asing, dan yang paling penting dari lawatannya itu, ia memperhatikan bagaimana orang yang berada di sekitarnya mempergunakan bahasanya.

3.4 Metode Penterjemahan

Pengertian tentang penterjemahan yang dikemukakan oleh Nida dan Taber di atas mengandungi tiga istilah yang sangat penting: (1) *equivalent* 'padanan', yang mengacu pada mesej BS, (2) *natural* 'wajar', yang mengacu pada BT, dan (3) *closest* 'terdekat' yang mengikat kedua orientasi secara bersamaan berdasarkan kadar yang paling mendekati ketepatan mutlak (1974: 12). Penterjemahan padanan dinamis ini juga dikenal sebagai **penterjemahan idiomatis** sebagaimana yang diperkenalkan oleh Beekman dan Callow. Dalam penterjemahan idiomatis, penterjemah berusaha menyampaikan makna teks asli kepada pembaca bahasa penerima dengan menggunakan bentuk nahu dan kosa kata bahasa penerima yang wajar (Beekman and Callow, 1974: 24).

Sementara itu, dalam praktiknya, seseorang tidak akan lepas dari dua kecenderungan, iaitu penterjemahannya itu lebih mengutamakan BS atau BT. Kecenderungan ini, menurut Newmark (1988: 45) masih kekal berlaku. Oleh itu, ia mencadangkan lapan metode penterjemahan yang ia susun dalam sebuah diagram yang disebutnya "diagram V". Kelapan metode ini tergabung dalam dua kelompok,

iaitu (1) metode yang memberikan penekanan terhadap BS, dan (2) metode yang memberikan penekanan terhadap BT.



Rajah 3.1: Diagram V Metode Penterjemahan (Newmark, 1988: 45)

Diagram V di atas menunjukkan adanya dua orientasi penterjemahan, iaitu penterjemahan yang menekankan pada BS dan penterjemahan yang berorientasi kepada BT. Masing-masing terdiri dari empat jenis penterjemahan. Makna bentuk V dalam diagram ini adalah bahawa semakin berorientasi kepada BS, terjemahannya akan semakin jauh dari BT, dan sebaliknya, semakin berorientasi kepada BT, terjemahannya semakin jauh dari BS. Kelapan metode penterjemahan tersebut penjelasannya sebagai berikut:

1. *Word-for-word translation*. Iaitu penterjemahan kata per kata yang sering disebut *interlinear translation*. Susunan kata BS dipertahankan dan perkataan diterjemah satu per satu dengan makna yang paling umum, di luar konteks. Kata-kata yang bermuatan budaya, diterjemah secara harfiah. Contoh:

2.

(64) ﴿ مَا جَعَلَ اللَّهُ مِنْ بَحِيرَةٍ وَلَا سَائِبَةٍ وَلَا وَصِيلَةٍ وَلَا حَامٍ... ﴾

/mā ja'ala allāhu min baḥīrat(in) wa lā sā'ibat(in)
 tidak menjadikan Allah dari *bahirah* dan tidak *sa'ibah*
 wa lā waṣīlat(in) wa lā ḥām.../
 dan tidak *wasilah* dan tidak *ham*...

'Allah tidak sekali-kali mensyariatkan bahiirah, tidak juga saa'ibah, tidak juga washilah dan tidak juga haam ...'

Surah al-Mā'idah 5:103

Keempat-empat perkataan di atas, iaitu *bahirah*, *sa'ibah*, *wasilah* dan *ham* ditulis apa adanya kerana tidak dikenal dalam kebudayaan Melayu. Dalam *Al-Quran dan Terjemahnya*, keempat perkataan ini dijelaskan dengan nota kaki sebagai berikut:

[449] Bahiirah: ialah unta betina yang telah beranak lima kali dan anak kelima itu jantan, lalu unta betina itu dibelah telinganya, dilepaskan, tidak boleh ditunggangi lagi dan tidak boleh diambil air susunya.

[450] Saaibah: ialah unta betina yang dibiarkan pergi kemana saja lantaran sesuatu nazar. Seperti, jika seorang Arab Jahiliyah akan melakukan sesuatu atau perjalanan yang berat, Maka ia biasa bernazar akan menjadikan untanya saaibah bila maksud atau perjalanannya berhasil dengan selamat.

[451] Washiilah: seekor domba betina melahirkan anak kembar yang terdiri dari jantan dan betina, Maka yang jantan ini disebut washiilah, tidak disembelih dan diserahkan kepada berhala.

[452] Haam: unta jantan yang tidak boleh diganggu gugat lagi, karena telah dapat membuntingkan unta betina sepuluh kali. perlakuan terhadap bahiirah, saaibah, washiilah dan haam ini adalah kepercayaan Arab jahiliyah. (Dewan Penterjemah, 1997: 179-180)⁴

Tujuan utama metode ini adalah sama ada bagi memahami mekanisme BS atau pun bagi menganalisis teks yang sukar sebagai proses penterjemahan. Dalam contoh di atas, tampak terjemahan kata per kata yang bertujuan di antaranya bagi memperlihatkan sistem bahasa Arab. Salah satu perbezaan sistem bahasa Arab dan bahasa Melayu adalah bahawa bahasa Arab sentiasa dimulai dengan KK (Khalūsiy 1986: 123).

2. *Literal translation*. Dengan menggunakan metode harfiah ini, konstruksi nahu BS diubahsuai ke padanan BT yang paling dekat tetapi kata-kata leksikal masih diterjemah kata per kata, di luar konteks. Sebagai proses penterjemahan, metode ini dapat membantu penterjemah melihat masalah yang harus diatasi. Contoh:

⁴ Penomboran [449], [450], [451], dan [452] mengikut nombor nota kaki dalam buku *Al-Quran dan Terjemahnya*.

(65) ﴿وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ...﴾

/wa lā taj'al yada-ka maghlūlat(an) ilā 'unuqi-ka
 dan jangan menjadikan tangan-mu terbelenggu ke leher-mu
 wa lā tabsuṭ -hā kulla al-basṭi.../
 dan jangan menghulurkan-nya semua huluran...'

'dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu,
 dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-
 habisnya ...'

Surah al-Isrā; 17:29

Penterjemahan harfiah seperti ini akan menghairankan masyarakat Melayu, kerana ungkapan seperti itu tidak pernah mereka kenali. Bagi menjelaskan maksud ungkapan ini, *Al-Quran dan Terjemahnya* memberi nota kaki bahawa yang dimaksud adalah 'jangan kamu terlaku kikir dan jangan pula terlalu pemurah (Dewan Penterjemah, 1997: 428).

3. *Faithful translation*. Dengan metode penterjemahan setia ini, penterjemah berupaya menghasilkan semula makna kontekstual BS yang tepat. Dalam melaksanakan hal itu, penterjemah akan berhadapan dengan kendala struktur nahu BT. Dengan menggunakan metode ini, penterjemah mentransfer kata-kata kultural dan mempertahankan tingkat ketidakwajaran nahu dan leksikal. Penterjemah berupaya setia sepenuhnya terhadap tujuan dan realisasi teks BS. Contoh:

(66) ﴿...لَيْسَتَّيْذِينَكُمْ الَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ...﴾

/...li yasta'zinku -mu alladhīna malakat aymānu-kum.../
 ...agar meminta izin-mu yang memiliki tangan kananmu
 KK Subjek
 '...hendaklah diminta izin kepadamu oleh orang yang dimiliki
 KK Subjek
 oleh tangan-tanganmu...'

Surah al-Nūr 24:58

Sebagaimana disebutkan di atas, bahawa di antara perbezaan antara struktur bahasa Arab dan bahasa Melayu adalah bahawa pada umumnya ayat bahasa Arab bermula dengan KK. Dalam contoh (70) di atas tampak bahawa struktur BS dan BT sama-sama bermula dengan KK. Selain itu, perkataan yang bermuatan budaya iaitu *الَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ* /alladhīna malakat aymānukum/ masih lagi diterjemah secara harfiah ‘yang dimiliki tangan-tanganmu’. Terjemahan ini dilakukan oleh Ash-Shiddieqy (1954: 129), sementara dalam Yusoff Zaky Haji Yacob (2000: 11/455), menterjemahkannya menjadi ‘Hendaklah hamba-hamba kamu...meminta izin kepada kamu...’, dengan susunan yang sesuai dengan kaedah bahasa Melayu.

4. *Semantic translation*. Penterjemahan semantik ini berbeza dari penterjemahan setia hanya pada sejauh mana penterjemahan harus lebih mempertimbangkan nilai estetik, iaitu keindahan dan kewajaran teks BT, dengan kesepakatan pada makna yang sesuai sehingga tidak ada asonansi atau permainan kata. Ringkasnya, penterjemahan setia bersifat kaku dan dogmatik, manakala penterjemahan semantik lebih fleksibel, mengakui pengecualian kreatif terhadap ketepatan 100% dan memberikan peluang kepada penterjemah bagi menggunakan pemahaman intuitifnya. Contoh (65) di atas, apabila diterjemah menjadi ‘*janganlah kamu terlalu kikir dan jangan pula terlalu pemurah*’, menurut hemat penulis ini, merupakan terjemahan semantis.

Keempat metode yang telah dibahas tadi berorientasi kepada BS, manakala keempat metode berikut lebih berorientasi kepada BT, iaitu:

5. *Adaptation*. Apabila dilihat dari ” V diagram” dalam Rajah 2.1, metode ini berada pada sisi paling kanan, iaitu yang paling dekat dengan BT. Memang, adaptasi merupakan penterjemahan yang paling bebas, terutama digunakan bagi menterjemah drama (komedi) dan puisi. Biasanya, tema, karakter, dan alurnya dipertahankan,

sedangkan aspek budaya BS diubahsuaikan dengan budaya BT dan teksnya ditulis semula. Menurut Machali (1996: 54), saduran termasuk dalam adaptasi. Novel *Tenggelamnya Kapal Van DerWijk* karya Hamka, menurut sebahagian pengamat, merupakan saduran dari novel berbahasa Arab مَاجِدُولِينَ /mājdūlīn/ dan yang terakhir ini merupakan terjemahan Muṣṭafā Luṭfiy al-Manfalūṭiy dari novel berbahasa Perancis *Magdalena* karya Alfons Car.

Pengubahsuaian dalam adaptasi boleh berlaku dapat penterjemahan beberapa kata, seperti yang dilakukan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob dan pasukan penterjemah dari Gema Insani Press ketika menterjemahkan buku فِي ظِلَالِ الْقُرْآنِ /fī ḡilāl al-qur'ān/ karangan Sayyid Quṭb. Berikut beberapa contoh:

- (67) إِنَّ الْإِسْتِسْلَامَ لِلْوَهْمِ ... (A/1/59)
 /inna al- istislām(a) li al- wahmi
 sesungguhnya art-menyerah bagi art-anggapan
 ‘Perbuatan menyerah bulat-bulat kepada anggapan-
 anggapan...’ (M/1/116)
- (68) كَلَامٌ ! مُجَرَّدُ كَلَامٍ ! (A/1/764)
 /kalām ! mujarrad kalām/
 perkataan sekadar perkataan
 ‘merupakan omong-omong kosong sahaja’ (M/3/601)
- (69) قَاتِلُوا عَنْهُ حَتَّى قُتِلُوا (A/1/462)
 /qātal- (ū) ‘an -hu ḡattā
 berperang mereka daripada-nya sehingga
 qutil- (ū)
 terbunuh mereka
 ‘yang senantiasa membela beliau hingga titik darah
 penghabisan’ (I/2/147)

(70) وَأَنَّ السُّنَّةَ لَا تَتَبَدَّلُ وَلَا تَحِيدُ . . . (A/3/1611)

/wa anna al- sunnata lā ta- tabaddalu wa
Prt-bahawa art-sunnah tidak ia (f) berubah dan

lā ta- hīdu/
tidak ia (f) menyimpang

‘bahawa sunnatullah itu tetap tidak berubah dan
menyimpang dari relnya’ (M/7/348)

(71) وَعَلَيْهِ إِلَّا يَأْخُذَ بِظَاهِرِ قَوْلٍ وَاحِدٍ (A/5/3018)

/wa ‘alay-hi allā ya’- khudha
dan atas-nya (m) agar tidak ia (m) mengambil

bi- zāhiri qawlin wāḥid/
dengan zahir ucapan satu

‘Dia tidak seharusnya menerima bulat-bulat keterangan
dari sebelah pihak’ (M/13/320)

Adaptasi berlaku manakalah KN *الإِسْتِيسْلَامُ* /al-istislām/ yang erti sebenar adalah ‘menyerah’ diubah suai menjadi ‘menyerah bulat-bulat’, KN *كَلَامٍ* /kalām/ yang diulang dua kali dan yang bermakna asal ‘perkataan’ diubah suai menjadi ‘omong-omong kosong’, KK pasif *قُتِلُوا* /qutilū/ yang bermakna sebenar ‘mereka terbunuh’ diubahsuai menjadi ‘titik darah penghabisan’, KK *تَحْيِيدٍ* /taḥīd/ yang erti asalnya ‘menyimpang’ diubahsuai menjadi ‘menyimpang dari relnya’, dan FK *إِلَّا يَأْخُذَ بِظَاهِرِ قَوْلٍ* /allā ya’khudha bi zāhiri qawlin/ yang secara harfiah bererti ‘agar ia tidak mengambil dengan zahir ucapan’ diubahsuai menjadi ‘dia tidak seharusnya menerima bulat-bulat keterangan’.

6. *Free translation*. Penterjemahan bebas ini tanpa bentuk BS. Biasanya berupa parafrasa yang dapat lebih panjang atau lebih pendek dari BS. Penterjemahan seperti ini juga biasa disebut **penterjemahan intralingual**. Tafsir al-Quran, menurut hemat penulis ini, dapat dikategorikan sebagai penterjemahan bebas. Contoh:

- (72) ﴿ أَفَلَا يَعْلَمُ إِذَا بُعْثِرَ مَا فِي الْقُبُورِ ﴾
- /afalā ya- 'lamu idhā bu'thira
apakah maka tidak ia (m) mengetahui apabila dibongkarkan
mā fī al- qubūr/
apa dalam art-kubur
- TT (1) (Patutkah ia bersikap demikian?) tidakkah ia mengetahui (bagaimana keadaan) ketika dibongkarkan segala yang ada dalam kubur?
Surah al-‘Ādiyāt 100:9
- TT (2) Apakah dia tidak tahu? Apakah dia tidak mendengar? Apakah tidak sampai kepadanya pengajaran yang disampaikan oleh Rasul, bahwa hidup ini bukanlah sehingga dunia sahaja? Dan setelah manusia mati harta bendanya itu tidak akan dibawa? Malahan kelak akan tiba masanya "Apabila dibongkar apa yang ada dalam kubur". Artinya, bahwa semua makhluk yang telah mati akan dibangkitkan kembali dari kuburnya karena akan dihisab, karena akan diperhitungkan amal-amal yang telah dibawanya untuk hidupnya di akhirat. Dan akan ditanyai darimana didapatinya hartanya yang banyak dan dipertahankannya mati-matian sampai menjadi bakhil itu, dan ke mana dibelanjakannya? (Hamka 1985: XXX/241-242).

Teks Target (TT) (1) di atas adalah terjemahan dari contoh (76), sedangkan TT (2) merupakan paraprasa dari TT (1) yang dalam wacana agama Islam disebut tafsir.

7. *Idiomatic translation*. Penterjemahan idiomatik menghasilkan semula mesej BS tetapi cenderung mengubah bentuk nuansa makna dengan mengutamakan kata atau ungkapan sehari-hari dan idiom-idiom yang tidak terdapat dalam BS.

Contoh:

- (73) وَمَا اللَّذَّةُ إِلَّا بَعْدَ التَّعَبِ
- /wa mā al- ladhhdhātu illā ba'da al- ta'abi/
dan tidak art-kelezatan kecuali setelah art-kepayahan
- TT (1) Tidak ada kesenangan kecuali setelah kesusahan
- TT (2) Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian
Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian

TT (2) di atas merupakan terjemahan idiomatis dari contoh (77), kerana merupakan sama-sama peribahasa dalam kedua bahasa tersebut.

8. *Communicative translation*. Penterjemahan komunikatif berupaya memberikan makna kontekstual BT yang tepat sedemikian rupa sehingga isi dan bahasanya dapat diterima dan dimengerti oleh pembaca. Menurut Machali (1996: 56), metode ini sesuai dengan namanya, memperhatikan prinsip-prinsip komunikasi, iaitu khalayak pembaca dan tujuan penterjemahan. Oleh itu, melalui metode ini, suatu versi TS dapat diterjemah menjadi beberapa versi TT, sesuai dengan prinsip-prinsip tersebut di atas. Contoh:

- (74) ﴿... فَإِنَّا خَلَقْنَاكَ مِن تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضْغَةٍ ...﴾
 /... fa- innā khalaq -nā -kum
 ... maka sesungguhnya telah menciptakan-kami-mu
 min turāb(in) thumma min nuṭfat(in) thumma
 dari tanah, kemudian dari setitik air benih kemudian
 min ‘alaqat(in) thumma min muḍghat(in).../
 dari sebuku darah beku kemudian dari seketul daging...
 TT (1) ... kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah,
 kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku,
 kemudian dari seketul daging ...
 Surah al-Ḥajj 22:5
 TT (2) ... sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian
 dari setetes mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari
 segumpal daging...

TT (1) adalah terjemahan versi bahasa Melayu-Malaysia dan TT (2) versi bahasa Melayu-Indonesia, kedua-duanya diambil dari perisian komputer *Quran in Word* ver 1.3, ciptaan Mohamad Taufiq. Kedua versi terjemahan ini tentunya diperuntukkan bagi umat Islam secara keseluruhan, tanpa mengira latar belakang pendidikan dan status sosialnya. Mansyur (1988: 183) menyarankan agar kata-kata نُطْفَةٍ /nuṭfat/, عَلَقَةٍ /‘alaqat/, dan مُضْغَةٍ /muḍghat/ diterjemah menjadi "nutfah

(*sperma*), *zigot*, dan *mudigah (embrio)*", dengan alasan kerana istilah pertama dan terakhir telah dijadikan istilah Melayu-Indonesia, dan kata *zigot* dikenal di bidang perubatan. Menurut hemat penulis, sesuai dengan metode penterjemahan di atas, versi TT dapat sahaja beragam, bergantung pada sasaran pembacanya. Jika pembacanya orang awam, maka TT (1) dan TT (2) di atas lebih sesuai kerana akan mudah mereka fahami, sedangkan apabila pembacanya berasal dari kalangan intelektual dan mengerti istilah perubatan, maka apa yang disarankan Mansyur tersebut dapatlah dipertimbangkan. Masalahnya adalah seumpama istilah perubatan *diabetes*, apakah akan diterjemah menjadi *kencing manis* atau dengan melalui penterjemahan fonologis iaitu bentuk yang sama *diabetes*. Semuanya terpulang kepada siapa sasaran terjemahan itu.

3.5 Prosedur Penterjemahan

Prosedur penterjemahan adalah cara yang harus ditempuh apabila penterjemah tidak dapat memperoleh padanan yang sejajar dengan BS, sama ada dari segi bentuk ataupun dari segi makna (Hoed, 1995: 3). Vinay and Darbenet mengemukakan tujuh prosedur penterjemahan. Kedua-duanya membagi prosedur penterjemahan menjadi dua macam, iaitu (a) penterjemahan langsung, dan (b) penterjemahan tidak langsung. Prosedur yang termasuk jenis penterjemahan langsung adalah: (1) *borrowing* 'pinjaman', (2) *calque* 'salinan', dan (3) *literal translation* 'penterjemahan harfiah', dan prosedur yang termasuk penterjemahan tidak langsung adalah, (4) *transposition* 'transposisi', (5) modulation 'modulasi', (6) *equivalence* 'pepadanan', dan (7) *adaptation* 'adaptasi' (Vinay and Darbelnet, 2000: 84-92). Menurut Chuguet dan Paillard (1987: 9) yang dikutip oleh Hoed (1995), ketujuh prosedur yang dikemukakan oleh Vinay dan Darbelnet ini pada dasarnya

dapat disederhanakan menjadi dua sahaja, iaitu **transposisi** dan **modulasi**. Menurut mereka pinjaman dan salinan sebenarnya bukanlah penterjemahan. Perkataan yang berhubungan dengan agama Islam, seperti *iman*, *takwa*, *yakin*, *tawaf*, *zakat*, dan *tawakal* adalah contoh daripada pinjaman, kerana istilah tersebut belum ada padanannya dalam bahasa Melayu, sehingga dapat dikatakan itu bukan sesuatu penterjemahan. Haugen (1950; 1972) menyebutnya *importation* 'pemasukan', dan ini merupakan gejala gangguan dalam penterjemahan (lihat bahagian 3.5). Perkataan Melayu-Malaysia seperti *rasuah*, *mesyuarat*, dan *aib* merupakan salinan daripada bahasa Arab رِشْوَةٌ /risywat/, مُشَاوَرَةٌ /musyāwarat/, dan عَيْبٌ /'ayb/. Ketiga perkataan ini telah berintegrasi dalam bahasa Melayu-Malaysia, meskipun dalam bahasa Melayu sendiri wujud padanannya, iaitu *wang tumbuk rusuk*, *sogok* dan *suap* untuk kata *rasuah*, *perundingan* untuk kata *mesyuarat*, dan *rasa hina* atau *malu*, *cacat* atau *salah* untuk kata *aib*.

Chuquet dan Pallard (dalam Hoed, 1995) juga berpendapat bahawa penterjemahan harfiah bukan sesuatu prosedur, tetapi sesuatu penterjemahan yang kerap kali dianggap salah. Demikian juga dengan adaptasi. Ini dapat dilihat dalam penterjemahan خَمْسُونَ رَأْسًا مِنَ الْعَنَمِ /khamṣūna ra'san min al-ghanam/ harfiah 'lima puluh kepala daripada kambing' menjadi 'lima puluh ekor kambing' yang tidak lain daripada modulasi kerana BT mengandung makna yang sudut pandangnya berbeza, namun sepadan dengan BS.

Terakhir, padanan juga menurut mereka bukan prosedur penterjemahan kerana ia adalah sesuatu hasil penterjemahan yang memberi unsur BT yang mengandung mesej yang sama dengan BS (Hoed, 1995: 2). Oleh itu, hanya ada dua prosedur penterjemahan, iaitu **transposisi** dan **modulasi**.

Transposisi disebut juga **penggeseran bentuk** (Machali, 1996: 65-74) atau *shift* (Carford, 1965: 73) 'anjakan' (Catford, 1996: 94) iaitu suatu metode yang melibatkan perubahan dalam nahu dari BS ke BT. Catford membahagi anjakan menjadi dua, iaitu (1) anjakan aras, dan (2) anjakan kategori. Yang dimaksud dengan anjakan aras adalah apabila unsur BS yang berada pada aras linguistik tertentu mempunyai padanan terjemahan BT para aras yang lain, seperti aras fonologi, grafologi, nahu, atau unsur leksikal. Contoh:

- (75) ذَهَبْتُ
 /dhahab-tu/
 sudah pergi-saya (nahu)
 'Saya sudah pergi' (leksikal)

Dalam bahasa Arab, kata *saya* dan *sudah* dinyatakan melalui kaedah nahu. Kata *saya* dinyatakan oleh KGN ت /-tu/ yang melekat dengan KK ذَهَبَ /dhahaba/ 'pergi', sedangkan kata *sudah* dinyatakan oleh bentuk KK الْمَاضِي /al-māḍi/ yang menyatakan perbuatan lampau. Sistem seperti ini tidak dikenal dalam bahasa Melayu. Oleh itu dinyatakan secara leksikal.

Anjakan kategori, yakni apabila anjakan menghasilkan unsur BT yang berbeza dari segi struktur, kelas kata, unit atau sistemnya. Contoh:

- (76) ذَهَبَ عُمَرُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ
 /dhahaba 'umar ilā al-madrasat/
 sudah pergi-ia (m) 'Umar ke art-sekolah
 predikat subjek
 'Umar telah pergi ke sekolah'
 subjek predikat

Anjakan yang berlaku dalam contoh (80) di atas adalah anjakan struktur. Ayat dalam BS bermula dengan predikat, sedangkan terjemahannya mengikuti kaedah nahu bahasa Melayu, bermula dengan subjek, kemudian predikat.

Prosedur penterjemahan lainnya adalah **modulasi**. Apabila prosedur ini dilakukan, maka akan berlaku anjakan makna yang dibahagi menjadi dua jenis, iaitu:

- (a) Anjakan sudut pandang, yakni apabila modulasi menghasilkan BT yang berupa unsur dengan sudut pandang semantis yang berbeza. Misalnya, perkataan زَوْجَةُ الْأَبِ /zawjat(u) al-abb/ 'isteri bapa' yang jika diterjemahkan ke bahasa Melayu menjadi ibu tiri. Masyarakat Arab melihat perempuan yang dikahwini oleh seseorang lelaki yang sudah punya anak dari sudut pandang hubungannya dengan lelaki tersebut dan perempuan tersebut bukan *ibu* kepada anaknya, sementara masyarakat Melayu melihat dari sudut pandang yang berbeza, iaitu bahawa perempuan tersebut kedudukannya sama dengan ibu.
- (b) Anjakan medan makna, yakni apabila anjakan itu menghasilkan unsur BT yang medan maknanya lebih luas atau lebih sempit. Misalnya, perkataan الْعُلَمَاءُ /al-'ulamā'/ yang diterjemahkan ke bahasa Melayu menjadi 'ulama'. Dalam bahasa Arab, ulama bermakna luas, mencakup semua ilmuwan dalam pelbagai disiplin ilmu dan juga dapat bermakna pakar, seperti عُلَمَاءُ فِيزِيَاءُ /'ulamā' fīziyā'/ 'pakar fizik', sementara dalam bahasa Melayu perkataan ini terhad pada ilmu agama Islam.

3.6 Gangguan dalam Penterjemahan

Terjemahan dalam contoh (70) di atas, iaitu petikan surah al-Nūr ayat 58

﴿لِيَسْتَأْذِنَكُمْ الَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ﴾ /li-yasta'zinku-mu alladhīna malakat aymānu-kum/

menjadi 'hendaklah diminta izin kepadamu oleh orang yang memiliki tangan-tanganmu' tampak janggal kerana mengikuti pola struktur bahasa Arab, pola yang tidak dikenal dalam bahasa Melayu. Penterjemahan seperti itu merupakan gejala gangguan struktur bahasa Arab terhadap struktur bahasa Melayu. Gejala gangguan, mengikut Weinreich (1970: 1) adalah *"those instances of deviation from the norms of either language which occur in the speech of bilinguals as a result of their familiarity with more than one language, i.e. as a result of language contact"*.

Kemungkinan berlakunya gangguan dalam penterjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu adalah sangat besar, berdasarkan pernyataan Weinreich yang mengatakan bahawa semakin besar perbezaan sistem bahasa yang terlibat dalam kontak bahasa, semakin besar pula kemungkinan berlakunya gangguan.

Menurut Weinreich (1970: 14-62) ada tiga bidang gangguan, iaitu (1) gangguan fonis, (2) gangguan nahu, dan (3) gangguan leksikal. Gangguan fonis berkenaan dengan cara pembicara mengetahui dan memproduksi bunyi sesuatu bahasa yang dapat diistilahkan dengan bahasa kedua, manakala yang lainnya sebagai bahasa pertama. Gangguan berlaku ketika dwibahasawan mengidentifikasi sesuatu fonem sistem bahasa kedua dengan fonem sistem bahasa pertama dan dalam mereproduksinya, ia mengubahsuaikannya dengan kaedah fonetik bahasa pertama. Masalah gangguan nahu merupakan salah satu masalah yang sangat pelik. Menurut Weinreich, ramai linguist yang bereputasi mempermasalahkan kemungkinan timbulnya kesan nahu secara bersamaan. Menurut Lehiste (1988: 13), gangguan nahu sejajar dengan gangguan fonis. Maksudnya, gangguan nahu berlaku apabila unsur

bahasa kedua masuk ke bahasa pertama dan secara beransur-ansur berintegrasi secara nahu. Gangguan nahu ini juga dikenal dengan istilah **transferensi** (*transference*) 'pemindahan'⁵ (Catford, 1965: 44). Transferensi ini baru akan berlaku manakala dua bahasa mempunyai kategori nahu yang berbeza, seperti bahasa Arab dan bahasa Melayu, tentunya. Penggunaan KSN *atas* dalam teks Melayu 'Aqā'id al-Nasafī, seperti dalam ayat:

- (77) diturunkan *atas* Nabi kita,
- (78) rahmat Allah *atas* Pesuruh-Nya

menurut hemat penulis, merupakan gangguan bahasa Arab terhadap bahasa Melayu. Penggunaan KSN *atas* dalam kedua-dua ayat tersebut merupakan terjemahan harfiah dari *أُنزِلَ عَلَيْنَا* /*anzila* 'alā nabīyyinā/ 'diturunkan atas nabi kita', dan *رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيَّ* /*rahmat allāh* 'alā rasūlihi/ 'rahmat Allah atas Pesuruh-Nya'. Teks Melayu 'Aqā'id al-Nasafī ini mencerminkan bahasa Melayu Abad ke-16. Dugaan penulis bahawa penggunaan KSN *atas* dalam kedua-dua ayat tersebut merupakan bukti gangguan nahu Arab disokong oleh pernyataan Asmah Haji Omar (1991: 67), bahawa dalam bahasa Melayu sekarang ini, KSN *atas* dalam contoh (82) boleh digantikan dengan *untuk* dan *kepada*. Misalnya:

- (79) rahmat Allah *untuk* Pesuruh-Nya
- (80) rahmat Allah *kepada* Pesuruh-Nya

Dugaan penulis juga didukung oleh kajian Van Ronkel (1977) mengenai gangguan nahu Arab terhadap nahu Melayu. Ia mengatakan, "Sebagian besar isi

⁵ Padanan yang digunakan oleh Uma A/P Iyavoo dan Koh Chung Gaik dalam *Teori Linguistik bagi Penterjemah*. Penulis lebih cenderung menggunakan istilah "transferensi" kerana kata "pemindahan" terdengar lebih am, sedangkan istilah "transferensi" dalam penyelidikan ini merupakan istilah bagi menyatakan pemindahan nahu.

suatu "kitab" Melayu bukanlah karya dari penulis Melayu; paling banyak kata pengantar, penutup dan beberapa bagian penyambung yang merupakan karya ciptanya" (1977: 11-12). Jadi, tidak menghairankan apabila kitab-kitab Melayu kuno seperti *'Aqā'id al-Nasafī* ini"...sebenarnya Arab dalam tatakalamnya, tetapi Melayu kata-katanya".

Seperti yang dikutip oleh Asmah Haji Omar di atas, transferensi Arab tampak dalam penggunaan KSN *atas* yang merupakan terjemahan dari KSN Arab عَلَى /'alā/. Dalam buku *Bidāyaṭ al-Sālikin*, Ronkel menemukan gangguan serupa, misalnya يَقْدِرُ عَلَى /yaqdiru 'alā/ diterjemah dengan 'kuasa atas', نِعْمَةٌ عَلَيْكَ /ni'mat 'alayka/ 'ni-mat atasmu', مَرَرْتُ عَلَى قَوْمٍ /mararrtu 'ala qawm/ 'aku lalu atas kaum', عَسَرَ عَلَيْهِ /'asara 'alayhi/ 'sukar atasnya'.

Transferensi atau pemindahan nahu terhadap bahasa Melayu yang berlaku pada masa silam seperti itu menurut pendapat penulis adalah wajar kerana mungkin pembelajaran bahasa Melayu pada masa itu sangat terhad dan lebih dominannya pengaruh bahasa Arab terhadap para pengarang dan penterjemah pada masa itu. Namun, sayangnya pemindahan seperti itu masih kekal berlaku hingga kini, setidaknya dalam penterjemahan al-Quran. Dalam *Al-Quran dan Terjemahnya* yang menurut Soenarjo, Ketua Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsir Al-Quran, penterjemahannya dikerjakan selama 8 (lapan) tahun, masih ditemukan bukti gangguan nahu Arab terhadap nahu bahasa Melayu-Indonesia. Misalnya:

(81) ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾

/yā ayyuha alladhīna āmanū kutiba 'alay-kum al- ṣiyāmu
 hai yang beriman diwajibkan atas-mu art-puasa
 kamā kutiba 'alā alladhīna min qabli -kum
 sebagaimana telah diwajibkan atas yang dari sebelum-mu (m)

la‘alla-kum tattaqūn/
 agar -kamu bertakwa
 'Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa
 sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu
 bertakwa'
 Surah al-Baqaraṭ 2:183

(82) ﴿هَلْ أَتَى عَلَى الْإِنْسَانِ حِينٌ مِّنَ الدَّهْرِ...﴾

/hal atā ‘alā al-insāni ḥīn(un) min al- dahri ... /
 apakah telah datang atas art-manusia waktu dari art-zaman...
 Bukankah telah datang atas manusia satu waktu dari masa...

Surah al-Insān 76:1

Penggunaan KSN *atas* dalam terjemahan (85) dan (86) adalah sebagai penterjemahan harfiah dari KSN عَلَى /‘alā/⁶. KK *mewajibkan*, dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (Tim Penyusun Kamus Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1995: 1123) diertikan sebagai *menjadikan wajib, mengharuskan*. Contoh ayat yang diberikan adalah *demi tercapainya tujuan pembangunan, pemerintah mewajibkan kita untuk hidup sederhana*. Sementara itu, *Kamus Dewan* memberi contoh dengan ayat yang juga masih lagi tampak pengaruh nahu Arabnya, iaitu "*Islamkah engkau kalau engkau tidak mengikut syarat dan undang yang diwajibkan ke atas seorang Islam?*" (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 1795). Ini mungkin berpunca pada pengetahuan penyusun kamus itu bahawa perkataan *wajib* berasal dari bahasa Arab, berbeza dengan KK *datang*. Dalam terjemahan (86) KK *datang* berkolokasi dengan KSN *atas*, sebagai terjemahan dari KSN Arab عَلَى /‘alā/.

Apabila memperhatikan contoh-contoh yang diberikan oleh *Kamus Dewan*, KSN yang berkolokasi dengan KK *datang* hanya tiga buah, iaitu *di*, seperti dalam ayat *setelah datang di balai, maka surat itu pun disuruh baca; ke*, seperti *dia melambai-lambaikan tangan dan terus datang ke tempat kami sedang duduk*; dan *dari* seperti dalam ayat *dia datang dari Kedah*.

⁶ Kajian tentang KSN ‘alā dal li dalam al-Quran secara luas lihat Saifullah Kamalie (2000).

Pengaruh bahasa Arab dalam contoh (85) dan (86) di atas bukan sahaja berlaku pada tataran leksikal, tetapi juga pada tata sintaksis. Sebagaimana telah dijelaskan di atas bahawa salah satu perbezaan sistem bahasa Arab dan bahasa Melayu adalah bahawa bahasa Arab sentiasa dimulai dengan KK (Khalūṣīy 1986: 123). Dalam kedua-dua contoh di atas, kita lihat setiap ayat bermula dengan KK, mengikuti struktur bahasa Arab. Oleh itu, apabila mengikut kaedah nahu Melayu, terjemahan (85) dan (86) di atas akan berbunyi sebagai berikut:

- (83) 'Hai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan untuk berpuasa sebagaimana orang-orang sebelum kamu diwajibkan agar kamu bertakwa'
(84) Bukankah satu waktu dari masa telah datang kepada⁷ manusia ...

Penggunaan perkataan *wajib* dalam bahasa Melayu seperti dalam contoh (85) dan (87) di atas merupakan hasil dari gangguan leksikal (*lexical interference*). Menurut Lehiste (1988: 19), gangguan leksikal merupakan hasil dari kontak antara kosa kata dua bahasa. Mengacu kepada pendapat Weinreich (1970: 47), Lehiste mengatakan bahawa ada pelbagai cara bagaimana kosa kata sesuatu bahasa menimbulkan gangguan terhadap kosa kata bahasa lainnya. Bentuk gangguan yang paling umum, adalah *loan translation* atau *calque*. Harimurti Kridalaksana (2008: 194) menterjemah istilah tersebut dengan **pinjam terjemah**, iaitu peminjaman atau pinjaman frasa dengan mempertahankan makna leksikal dan/atau makna nahu asalnya, tetapi dengan mengganti morfem dan fonemnya. Misalnya, frasa bahasa Belanda *paardekracht* diterjemah menjadi *daya kuda* dalam bahasa Melayu-Indonesia, frasa Arab صَلَاةُ اللَّيْلِ /ṣalāṭ(u) al-layl/ yang diterjemah menjadi

⁷ Dalam *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim, *et al*, 2006: 259), KSN *kepada* digunakan untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan, dan unsur mujarad. Untuk itu, KSN *kepada* lebih sesuai daripada KSN *ke* dalam terjemahan ini.

sembahyang malam (Ruskhan, 2000: 16) atau seperti KN *kewajipan* dalam bahasa Melayu-Malaysia, dengan menggunakan fonem /p/ dan bukannya /b/.

Dalam proses penterjemahan, gangguan dianggap sebagai salah satu dari kesalahan utama, iaitu berupa pemindahan penggunaan khas BS ke BT (Pinchuck, 1977: 220). Menurutny, gangguan biasanya dilakukan oleh penterjemah yang tidak berpengalaman sebagai akibat dari terlalu terikat dengan gaya, kosa kata dan struktur nahu BS.

Setelah mengkaji terjemahan beberapa buku berbahasa Arab ke bahasa Melayu, Ronkel tidak menyimpulkan bahawa para penterjemah pada masa itu adalah penterjemah yang tidak berpengalaman, tetapi pendapat Van der Tuuk yang ia kutip, sepatutnya dijadikan bahan kajian lebih lanjut. Dalam pengantar tulisannya yang bertajuk *Maleish Leesboek voor eerstbeginnenden en meergevorderden*, Van der Tuuk mengatakan bahawa bahasa Melayu di sana-sini dinodai oleh bahasa Arab. (Ronkel, 1971: 10).

Jenis gangguan yang popular dalam praktik penterjemahan adalah apa yang disebut *faux amis* 'sahabat semu', iaitu ungkapan-ungkapan yang mempunyai bentuk yang mirip dalam kedua bahasa tetapi sebetulnya mempunyai makna yang berbeza (Pinchuck, 1977: 47; cf. Korah, 1997:14). Kata *fitnah* dalam bahasa Melayu, sama ada Melayu- Malaysia atau Melayu-Indonesia mempunyai makna yang amat berbeza dari makna kata tersebut dalam bahasa Arab. Dalam kedua-dua bahasa serumpun ini, kata *fitnah* diertikan sebagai 'perkataan bohong atau tanpa dasar kebenaran yang disebarkan dengan maksud menjelekkkan orang (seperti menodai nama baik, merugikan kehormatan orang) (Tim Penyusun Kamus Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1995: 277) dan 'tuduhan, (khabar, kisah, dll) yang diadadakan (dibuat-buat) untuk memburukkan atau membencanakan seseorang dll.

(Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 412). Kedua-dua pengertian ini sama sekali tidak tampak dalam pengertian makna kata fitnah dalam bahasa Arab seperti yang diberikan oleh Wehr (1974: 696): *temptation* 'keinginan, godaan', *trial* 'ujian percubaan'; *charm* 'daya tarikan', *charmingness* 'menawan', *attractiveness* 'menarik, menawan'; *enchantment* 'pesona', *captivation* 'pesona', *fascination* 'pesona', *enticement* 'daya tarik'; *infatuation* 'keberahian'; *intrigue* 'rancangan jahat'; *sedition* 'hasutan', *riot* 'rusuhan', *discord* 'perselisihan', *dissension* 'pertikaian', *civil strife* 'pergaduhan awam'.

Dalam bahasa percakapan, kata fitnah digunakan dalam ungkapan *fitnah lebih kejam daripada pembunuhan*. Asal ungkapan ini adalah ayat al-Qur'an dalam surah al-Baqara^۸ ayat 191 dan 217:

﴿وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ﴾ البقرة: ١٩١

”dan (ingatlah bahawa angkara) fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan”

﴿وَالْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ﴾ البقرة: ٢١٧

”angkara fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada pembunuhan”

Kata fitnah dalam ungkapan *fitnah lebih kejam daripada pembunuhan*⁸ dalam bahasa percakapan biasanya mengandung makna yang dikenal dalam bahasa Melayu, bukannya makna yang dimaksud dalam kedua-dua ayat dari surah al-Baqara^۸ di atas. Dalam *Al-Qur'an dan Terjemahnya*, kata *fitnah* dalam ayat 191 diberi notakaki:

⁸ Pembahasan lebih mendalam tentang fenomena *faux amis* kata fitnah bahasa Indonesia dan kata fitnah dalam bahasa Arab dapat disemak dalam kertas kerja bertajuk “Fitnah Lebih Kejam daripada Pembunuhan: Sebuah Gejala Faux Amis” (Saifullah Kamalie, 2000).

Fitnah (menimbulkan kekacauan), seperti mengusir sahabat dari kampung halamannya, merampas harta mereka dan menyakiti atau mengganggu kebebasan mereka beragama (Dewan Penterjemah, 1418 H/ 1997 M: 46).

Dan ayat 217 diberi notakaki:

Fitnah di sini artinya penganiayaan dan segala perbuatan yang dimaksudkan untuk menindas Islam dan Muslimin (Ibid: 52).

3.7 Kolokasi: Masalah Penterjemahan

Menurut Catford (1965: 20), masalah utama dalam penterjemahan adalah menemukan padanan terjemahan dalam BT. Namun demikian, penterjemahan bukan sekadar menemukan padanan, bukan sekadar mengubah bentuk BS ke bentuk lain yang sepadan dalam BT (Machali, 1998: 3), kerana pekerjaan seperti ini menurut Pinchuck (1997: 30) dengan mudah dapat dilakukan dengan hanya berpedoman pada kamus dwibahasa. Penterjemahan, menurutnya *"is concerned with words, but not with words alone"*. Setiap bahasa mempunyai ciri khas tersendiri. Catford (1965: 27) mengistilahkannya dengan *sui generis*, manakalah Nida dan Taber (1974: 3) menyatakannya dengan *"each language has its own genius"*. Oleh itu, seorang penterjemah mahu tidak mahu akan berhadapan dengan masalah dalam aktiviti penterjemahannya.

Masalah penterjemahan didefinisikan sebagai *"an objective problem, which every translator...has to solve during a particular translation task"* (Nord, 1991: 151). Menurut Krings (1986: 266), masalah penterjemahan sentiasa menjadi aktiviti yang paling disukai dalam pengajaran penterjemahan. Namun, semua kajian telah mencuba sama ada bagi meramalkan masalah penterjemahan yang bakal ditemui atas dasar pertimbangan linguistik dari teks BS atau untuk mengidentifikasi masalah

penterjemahan yang telah berlaku oleh satu analisis kesalahan dari subjek teks BT yang dihasilkan.

Beberapa pakar bahasa menganggap kolokasi sebagai masalah dalam penterjemahan. Mereka mencadangkan bahawa menterjemah kolokasi dari satu bahasa ke bahasa lainnya merupakan hal yang sulit dan mereka menekankan betapa pentingnya kolokasi dalam penterjemahan. Di antara karya yang sangat penting tentang kolokasi sebagai masalah dalam penterjemahan adalah yang ditulis oleh Beekman and Callow (1974), Newmark (1988), Hatim and Mason (1990), Heliel (1990), Baker (1992), Ghazala (2004) dan Khūjalīy (2004).

Beekman and Callow (1974) menganggap penterjemahan kolokasi merupakan aspek yang menarik minat dalam pekerjaan penterjemah dan merupakan ukuran kemampuan mereka dalam menterjemah. Menterjemah kolokasi memerlukan kepakaran tingkat tinggi kerana sering kali padanan antara jangkauan kolokasi di serata bahasa jumlahnya sedikit atau bahkan tidak ada padanannya, semata-mata kerana ada percanggahan dalam jangkauan kolokasi dari padanan perkataan dalam bahasa. Oleh itu, kedua-dua pakar penterjemahan ini mencadangkan, "*the translator therefore needs to be alert to collocations in the original which are potential trouble spots and to avoid transferring them into the RL*" (1974: 163, 164)⁹.

Menurut Newmark (1988: 213), mengenal pasti kolokasi merupakan salah satu masalah yang sangat penting dalam proses penterjemahan. Ia menyatakan bahawa penterjemahan merupakan perjuangan yang tidak henti-henti bagi menemukan kolokasi yang sesuai, merupakan sebuah proses menghubungkan KN yang sesuai dengan KK, KK dengan KN, menghubungkan KA dengan KN, adverba atau kelompok adverba dengan KK, juga menggunakan KH yang sesuai (Newmark,

⁹ RL adalah kependekan dari *receptor language* (Beekman dan Callow, 1974: 21)

1988: 213). Kemudian ia menegaskan kepentingan kolokasi dengan memerikannya sebagai saraf dari teks, "*If grammar is the bones of a text, collocations are the nerves, more subtle and multiple and specific in denoting meaning, and lexis is the flesh*" (Newmark, 1988: 213).

Hatim dan Mason (1990) juga berhujah bahawa salah satu masalah utama yang dihadapi penterjemah berasal dari kemampuan memilih kolokasi yang sesuai dalam bahasa target. Mereka mengingatkan "*there is always a danger that, even for experienced translators, source language interference will occasionally escape unnoticed and an unnatural collocation will flaw the target text* (Hatim & Mason, 1990: 204).

TT yang cacat kerana wujudnya kolokasi yang tidak wajar, misalnya, dapat kita lihat dalam kolokasi *parade nabi-nabi* sebagai terjemahan pasukan penterjemah tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* dari مَوْكِبِ الصَّالِحِينَ /mawkib al-ṣāliḥīn/. Pemadanan KN مَوْكِبِ /mawkib/ dengan 'parade' (iaitu parada, perbarisan, atau perarakan dalam Melayu-Malaysia) memang benar, seperti yang dijelaskan dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* ((Tim Penyusun Kamus Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1995: 729) yang menjelaskannya sebagai 'pawai barisan tentara dsb', pengertian yang tidak jauh dari pengertian yang diberikan dalam penjelasan kata مَوْكِبِ /mawkib/ iaitu جَمَاعَةٌ مِنَ النَّاسِ يَسِيرُونَ رَاكِبِينَ أَوْ مَاشِينَ /jama'at min al-nās yasīrūna rākibīn aw māsyīna/ 'sekelompok manusia yang berjalan sama ada dengan mengendarai kenderaan atau berjalan kaki' (lihat Jamā'at min Kibār al-Lughawīyīn al-'Arab, 1989: 1329). Ketidak wajaran kolokasi itu tampak ketika kata *parade* berkombinasi dengan kata *nabi-nabi*, kerana pada umumnya kata *parade* ini berkombinasi dengan tentera dan ketika mereka masih lagi hidup.

Walaupun kata مَوْكِب /mawkib/ ini wujud padanannya dalam bahasa Melayu-Malaysia, iaitu ‘parada, perbarisan atau perarakan’, Yusoff Zaky Haji Yacob tidak menggunakan padanan ini dalam menterjemahkan kolokasi الصَّالِحِينَ مَوْكِب /mawkib al-ṣāliḥīn/. Padanan yang ia pilih adalah kata angkatan, sehingga kolokasi tersebut ia terjemahkan menjadi ‘angkatan para salihin’ (M/2/320). Contoh ini, selain membuktikan apa yang diingatkan oleh Hatim dan Mason (1990) juga membuktikan apa yang dikatakan oleh Barnwell (1980) yang mencadangkan bahwa memindahkan kolokasi bahasa sumber ke kolokasi bahasa target akan menghasilkan kolokasi yang tidak normal dan sukar difahami (1980: 56).

Heliel (1990: 34) juga menganggap kolokasi sebagai masalah dalam penterjemahan. Ia memberikan contoh kolokasi bahasa Inggeris dengan pola KA + KN yang mengandungi KA *heavy*. Kemudian ia mencadangkan bahwa *heavy* diterjemah ke bahasa Arab dengan perkataan yang berbeza-beza bergantung pada KN yang berkolokasi dengannya. Lihat jadual berikut:

Kolokasi bahasa Inggeris	Padanan bahasa Arab
Heavy rainfall	مَطَرٌ غَزِيرٌ /maṭar ghazīr/ harfiah: ‘hujan yang banyak’
Heavy fog	ضَبَابٌ كَثِيفٌ /ḍabāb kathīf/ harfiah: ‘kabut tebal’
Heavy sleep	سُبَاتٌ عَمِيقٌ /subāt ‘amiq/ harfiah: ‘tidur yang dalam’
Heavy seas	بِحَارٌ هَائِجَةٌ /biḥār hā’ijat/ harfiah: ‘lautan yang resah’
Heavy meal	وَجْبَةٌ دَسِيمَةٌ /wajbaṭ dasimaṭ/ harfiah: ‘hidangan gemuk’
Heavy smoker	مُدَّخِنٌ مُفْرِطٌ /mudakhkhin mufrit/ harfiah: ‘perokok yang berlebih-lebihan’
Heavy industry	صِنَاعَةٌ ثَقِيلَةٌ /sinā‘aṭ thaqīlaṭ/ harfiah: ‘industri berat’

HelieI (1990: 35) kemudian memberikan contoh KA جَاف /jāf/ 'kering' dalam bahasa Arab dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris dengan menggunakan pelbagai jenis KA bergantung pada KN yang berkolokasi dengannya. Lihat jadual berikut:

Kolokasi bahasa Arab	Padanan bahasa Inggeris
جِلْدٌ جَافٌ /jild jāf/ 'kulit kering'	rough skin
إِسْتِيقْبَالٌ جَافٌ /istiqbāl jāf/ harfiah: 'sambutan kering', maksudnya: 'sambutan dingin/ hambar'	cool reception
مَنَاخٌ جَافٌ /manākh jāf/ 'cuaca kering'	dry weather
قَلَمٌ حَبْرٌ جَافٌ /qalam ḥibr jāf/ harfiah: pena dakwat kering, maksudnya: 'pena mata bulat'	ball-point pen
نَبْرَةٌ جَافَةٌ /nabraṭ jāffat/ harfiah: 'nada kering', maksudnya: 'nada suara keras'	harsh tone

Dengan memberikan contoh di atas, HelieI berhujah bahawa kolokasi merupakan masalah dalam penterjemahan. Baginya, kolokasi berbeza dari kombinasi bebas yang setiap unsur leksikalnya memiliki kebebasan dari sisi maknanya¹⁰. Selain itu, kombinasi bebas dapat bertukar dengan unsur leksikal lainnya tanpa memberikan pengaruh pada makna unsur leksikal lainnya, seperti KK يَبْنِي /yabnī/ 'membina' dapat berkolokasi dengan sejumlah KN seperti فَنَادِقٌ /fanādiq/ 'hotel-hotel', مَنَازِلُ /manāzil/ 'rumah-rumah', جُسُورٌ /jusūr/ 'jambatan-jambatan', طُرُقٌ /ṭuruq/ 'jalan-jalan'. KK يَبْنِي /yabnī/ ketika bergabung dengan mana-mana KN tersebut maknanya kekal 'membina' seperti tampak dalam jadual berikut ini:

¹⁰ Kombinasi bebas ini mengikut pendapat linguist yang lain adalah kolokasi terbuka, seperti yang dinyatakan oleh Cowie yang dijelaskan dalam beberapa lembar setelah ini.

Kombinasi Bebas	Padanannya dalam bahasa Melayu
يَبْنِي فَنَادِقَ /yabnī fanādiq/	'membina hotel-hotel'
يَبْنِي مَنَازِلَ /yabnī manāzil/	'membina rumah-rumah'
يَبْنِي جُسُورَ /yabnī jusūr/	'membina jambatan-jambatan'
يَبْنِي طُرُقَ /yabnī turuq/	'membina jalan-jalan'

Atau seperti KN اَلْخُبْزِ /al-khubz/ 'roti' yang dapat berkolokasi dengan sejumlah KK seperti يَبِيعُ /yabi'/ 'menjual', يَشْتَرِي /yasytari/ 'membeli', يَقْطَعُ /yaqta'/ 'memotong', atau يَأْكُلُ /ya'kul/ 'memakan'. Kombinasi unsur-unsur leksikal seperti ini tidak sukar untuk diterjemah.

Kombinasi Bebas	Padanannya dalam bahasa Melayu
يَبِيعُ اَلْخُبْزَ /yabi' al-khubza/	'menjual roti'
يَشْتَرِي اَلْخُبْزَ /yasytari al-khubza/	'membeli roti'
يَقْطَعُ اَلْخُبْزَ /yaqta' al-khubza/	'memotong roti'
يَأْكُلُ اَلْخُبْزَ /ya'kulu al-khubza/	'memakan roti'

Sebagai hasil dari pengamatannya terhadap kamus yang beredar di negara Arab, dan dari hasil penterjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Inggeris dan sebaliknya, Heliel (1990: 40-42) menemukan kenyataan-kenyataan berikut:

- Mengingat bahawa kolokasi itu berbeza antara satu bahasa dengan bahasa lainnya, dan bahawa unsur-unsurnya sukar diramalkan, maka penterjemah perlu menambah pengetahuannya tentang kemungkinan kombinasi dan keberterimaannya. Bila penterjemah tersebut tidak dapat membekali

dirinya dengan pengetahuan itu sama ada dengan merujuk kepada kamus-kamus ekabahasa atau dwibahasa, maka ia harus mengandalkan kemampuannya sendiri atau berupaya mengetahuinya secara menduga tanpa bersandar pada sumber yang dapat diandalkan bagi memperoleh padanan. Kebingungannya akan semakin bertambah manakala ia hendak menggunakannya, sehingga ia kesulitan untuk membezakan antara kolokasi yang beraneka ragam.

- Meskipun seorang penterjemah telah memperkaya dirinya dengan membeli pelbagai tesaurus dan kamus-kamus sinonim yang dapat digunakan bagi mencari kata-kata yang bersinonim, namun tesaurus dan kamus-kamus seperti itu tidak akan membantunya dalam menterjemah kolokasi, kerana kata-kata yang diterjemah dalam tesaurus dan kamus sinonim itu muncul dalam bahasa dengan kolokasi yang berbeza yang tidak dapat diramalkan. Misalnya, dalam menterjemah dari bahasa Arab: يُعْلِنُ إِفْلَاسَهُ /yu'lin iflāsahu/. KK يُعْلِنُ /yu'lin/ mempunyai padanan dalam bahasa Inggeris sama ada 'announce' atau 'declare', kerana kedua-dua kata itu bersinonim. Dalam bahasa Inggeris KK "announce" berkolokasi dengan "candidacy, birth, death, verdict, ruling, arrival", sedangkan KK "declare" berkolokasi dengan "bankruptcy, solidarity, war". Maka, sekadar mengetahui kata-kata yang bersinonim dalam menterjemah ayat bahasa Arab يُعْلِنُ إِفْلَاسَهُ /yu'lin iflasahu/ 'mengisytiharkan kemuflihan' tidak banyak membantu, kerana penterjemah masih lagi perlu mengetahui padanan kata yang berkolokasi dengan KN "bankruptcy".
- Seorang penutur asli bahasa yang mempunyai pengetahuan yang cukup tentang bahasa ibunya akan dengan mudah mengetahui mana kolokasi

yang biasa, sekali-sekala, atau yang bersifat unik. Hal itu berbeza dengan yang bukan penutur asli, seperti penterjemah, sehingga ia sebelum menterjemah harus mempelajari pelbagai jenis kolokasi tersebut.

- Di antara masalah yang dihadapi penterjemah adalah bahawa pengajaran kolokasi dalam program khusus bahasa asing belum mendapat perhatian yang semestinya.¹¹
- Meskipun idiom telah mendapat perhatian yang cukup sama ada dalam kamus ekabahasa atau dwibahasa yang cukup membantu dalam menterjemahnya, kolokasi masih kekal sukar diterjemah, kerana belum ada kamus khusus yang membahasnya.¹²

Bagaimanapun beberapa kolokasi diperlukan ketika tidak ada jalan lain untuk memindahkan kolokasi asal ke BT, khususnya yang berkaitan dengan konsep yang tidak wujud atau baru dalam bahasa target. Contoh yang diberikan oleh Izwaini (2000: 28) adalah "*the cold war*" yang diterjemah ke bahasa Arab dengan cara *loan translation* 'penterjemahan pinjaman' menjadi الْحَرْبُ الْبَارِدَةُ /al-ḥarb al-bāridat/. Sebelum berlakunya Perang Dingin setelah Perang Dunia II, sama ada bahasa Inggeris atau bahasa Arab tidak memiliki istilah tersebut.

Penterjemahan pinjaman ini ada kalanya hanya berlaku terhadap sebahagian kata sahaja dari kata-kata yang berkolokasi tersebut. Ruskhan, *et al* (2000)

¹¹ Khusus bagi pengajaran kolokasi dalam bahasa Inggeris, para pengajar dan pelajar kini dapat merujuk kepada *Teaching Collocation: Further Developments in the Lexical Approach*, (Lewis (ed), 2000) dan *Lexical Priming: A New Theory of Words and Language*. (Hoey, 2005). Setakat ini, buku khusus yang membahas kolokasi bahasa Arab masih belum ditemui.

¹² Dengan terbitnya kamus khusus kolokasi seperti *Al-Hafiz Arabic Collocations Dictionary* yang ditulis oleh Dr. Al-Ṭāhir bin `Abd Al-Salām Ḥāsyim Ḥāfīz, 2004 dan yang ditulis oleh Hassan Ghazala, 2007, *Dar Al Ilm Dictionary for Idioms: A Comprehensive English - Arabic Dictionary of Accuracy of Word Combination and Usage*, .apakah penterjemahan kolokasi Arab ke Inggeris dan sebaliknya akan menjadi lebih mudah ataukah kekal sukar? Kajian tentang hal ini sangat dialu-alukan.

menyebutnya dengan istilah **pungutan padu**, yaitu ‘pungutan yang memperlihatkan gabungan pungutan kata dengan bahasa penerima’. Di antara contoh-contoh yang dikemukakannya adalah:

- (85) Peristiwa-peristiwa pada *hari kiamat* dan kedahsyatannya.
- (86) Dan sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada *negeri akhirat* benar-benar menyimpang dari jalan (yang lurus).
- (87) Ya Tuhan kami, dan masukkanlah mereka ke dalam *surga ‘Adn* yang telah engkau janjikan kepada mereka...
- (88) Dan barangsiapa yang ringan timbangannya, maka mereka itulah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri (mereka kekal) di dalam *neraka jahannam*.
- (89) Dia adalah *tali Allah* yang kokoh dan cahaya yang menerangi serta peringatan yang sangat bijaksana.

Data yang dikemukakan Ruskhan, *et al* (2000: 22) di atas adalah *hari kiamat*, *negeri akhirat*, *surga ‘Adn*, *neraka jahanam*, dan *tali Allah*. Para penyelidik dari Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan Nasional ini menjelaskan bahwa kelima-lima data di atas adalah contoh **pungutan padu** yang unsurnya terdiri atas pungutan *sulih* (maksudnya ‘ganti’) dan pungutan kata.

Pungutan padu *hari kiamat* terdiri atas kata *hari* dan *kiamat* yang masing-masing merupakan kata dasar dan kata ringkas¹³. Kedua kata ringkas ini dipungut dari kolokasi الْقِيَامَةِ يَوْمَ /yawm al-qiyāmat/. Kata pertama يَوْمَ /yawm/ diganti dengan *hari* dalam bahasa penerima. Kata kedua, الْقِيَامَةِ /al-qiyāmat/ dipungut melalui pungutan kata dengan penyesuaian konsonan /q/ menjadi /k/, vokal panjang /ā/ menjadi vokal pendek /a/, akhiran /at/ menjadi /-at/, dan pelesapan partikel ال /alif lām/. Setelah dipungut, kedua-dua kata tersebut menjadi pungutan padu *hari kiamat*. Pungutan dengan penyesuaian seperti yang berlaku pada kata الْقِيَامَةِ /al-qiyāmat/ ini

¹³ Merujuk kepada istilah *simple lexemes*, yaitu leksem-leksem yang pangkalnya tidak dapat lagi dihuraikan. Misalnya كَتَبَ /kataba/ ‘ia menulis’ sebagai KK al-māḍiy yang terdiri atas k-t-b. Ketiga-tiga konsonan ini merupakan bentuk abstrak dari semua bentuk lainnya sehingga k-t-b dapat dikatakan sebagai leksem ringkas (Lihat Lyons, 1977: 2/521 dan Ruskhan, *et al*, 2000: 13)

juga dikenal dengan penterjemahan fonologi (Catford, 1965: 56 dan Catford, 1996: 72).

Pungutan padu *negeri akhirat* dipungut dari kolokasi دَارِ الْآخِرَةِ /dār al-ākhirat/. Pemungutannya dilakukan dengan mengganti kata pertama, iaitu دَارِ /dār/ dengan *negeri*. Kata kedua, الْآخِرَةِ /al-ākhirat/ dipungut dengan penyesuaian vokal panjang /ā/ menjadi vokal pendek /a/, akhiran /-at/ menjadi /-at/, serta pelepasan partikel ال /alīf lām/. Selepas melewati proses pemungutan dengan penyesuaian ini, kata dasar *negeri* dan *akhirat* membentuk pungutan padu *negeri akhirat*.

Pungutan padu *surga Aden* berasal dari kolokasi جَنَّةِ عَدْنٍ /jannaṭ ‘adn/. Kata جَنَّةِ /jannaṭ/ diganti dengan *surga*, sementara kata عَدْنٍ /‘adn/ diterjemahkan secara penterjemahan fonologi menjadi *Adn*, iaitu dengan penyesuaian bunyi /‘a/ menjadi /a/.

Pungutan padu *neraka jahannam* berasal dari kolokasi نَارِ جَهَنَّمَ /nār jahannam/. Kata نَارِ /nār/ diganti dengan *neraka*, sedangkan جَهَنَّمَ /jahannam/ diterjemahkan dengan penterjemahan fonologi menjadi *jahanam*, dengan penyesuaian konsonan ganda نَّ /nn/ menjadi konsonan tunggal /n/.

Pungutan padu *tali Allah* berasal dari kolokasi حَبْلِ اللَّهِ /ḥabl allāh/. Kata حَبْلِ /ḥabl/ diganti menjadi *tali*, sementara kata اللَّهِ /allāh/ dipungut menjadi *Allah*, dengan memendekkan vokal /ā/ pada suku kata terakhir.

Dalam terjemahan tafsir فِي ظِلَالِ الْقُرْآنِ /fī zilāl al-Qur’ān/ banyak ditemukan kolokasi yang merupakan hasil daripada penterjemahan pinjaman seperti yang disebutkan Izwaini, kerana konsep yang dinyatakan oleh kolokasi itu memang tidak wujud dalam bahasa Melayu. Berikut contoh-contohnya:

(90)	التَّصَوُّورُ الْإِسْلَامِيِّ	(A/1/21)
	/al-taṣawwur al-islāmī/ art-kefahaman art-islam 'kefahaman Islam'	(M/1/21)
(91)	كَلِمَةُ الْفَضْلِ	(A/1/23)
	/kalimaṭu al-faṣl/ kata art-pemutus 'kata pemutus'	(M/1/26)
(92)	يَوْمَ الدِّينِ	(A/1/24)
	/yawmi al-dīn/ hari art-pembalasan 'Hari Pembalasan'	(M/1/28)
(93)	الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ	(A/2/1006)
	/al-'alīmu al-ḥakīm/ art-maha mengetahui art-maha bijaksana 'Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana'	(M/4/570)
(94)	الْعَادَاتُ الْجَاهِلِيَّةُ	(A/2/1009)
	/al-'adāt al-jāhiliyyat/ art-adat-adat art-jahiliyah 'adat-adat jahiliyah'	(M/4/577)

Kolokasi yang terdapat dalam contoh (90) sehingga (94) di atas merupakan hasil dari penterjemahan pinjaman, iaitu *kefahaman Islam*, *kata pemutus*, *Hari Pembalasan*, *Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana*, dan *adat-adat jahiliyah*.

Kolokasi *kefahaman Islam* berasal dari KN التَّصَوُّورُ الْإِسْلَامِيِّ /al-taṣawwur al-islāmī/ diterjemahkan melalui pemungutan KN التَّصَوُّورُ /al-taṣawwur/ yang dalam bahasa Melayu menjadi 'kefahaman' dan penterjemahan fonologis pada KN الْإِسْلَامِيِّ /al-islāmī/ dengan penyesuaian vokal panjang /ā/ dan /ī/ menjadi vokal pendek /a/ dan /i/ serta penghilangan partikel ال /alīf lām/.

Kolokasi *kata pemutus* merupakan terjemahan pinjaman dari kolokasi *كَلِمَةُ الْفَصْلِ* /kalimaṭu al-faṣl/, *Hari Pembalasan* dari kolokasi *يَوْمَ الدِّينِ* /yawm al-dīn/, *Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana* dari kolokasi *الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ* /al-‘alīm al-ḥakīm/, dan *adat-adat jahiliyah* merupakan terjemahan fonologi dari *الْعَادَاتُ الْجَاهِلِيَّةُ* /al-‘ādāt al-jāhiliyyat/ dengan penyesuaian. Bentuk jamak *الْعَادَاتُ* /al-‘ādāt/ berpadanan dengan bentuk jamak dalam bahasa Melayu *adat-adat*. Penyesuaian berlaku pada vokal panjang /‘ā/ menjadi vokal pendek /a/, vokal panjang /ā/ menjadi vokal pendek /a/. Kata *jahiliyah* berasal dari *الْجَاهِلِيَّةُ* /al-jāhiliyyat/ dengan penyesuaian vokal panjang /ā/ pada suku kata pertama menjadi vokal /a/ pendek, konsonan ganda *يَّ* /yy/ menjadi konsonan tunggal /y/, akhiran /-at/ menjadi /ah/. Partikel *ال* /alīf lām/ pada kedua-dua kata tersebut dihilangkan sehingga akhirnya berbunyi ‘adat-adat jahiliyah’.

Baker (1992: 49) berpendapat bahawa pola kolokasi sebagian besar bersifat arbitrari dan bebas di banyak bahasa. Ia memberi contoh dalam menterjemah kolokasi bahasa Inggeris ke bahasa Arab seperti KK *deliver* yang berkolokasi dengan sejumlah KN, masing-masing diterjemah ke bahasa Arab dengan KK yang berbeza-beza. Contoh-contoh tersebut digambarkan dalam jadual berikut:

Kolokasi Bahasa Inggeris	Padanan Bahasa Arab
to deliver a letter/telegram	(تَلْعِرَافًا) يُسَلِّمُ خِطَابًا /yusallim khiṭāban (tiligrāfan)/ harfiah: 'menyampaikan surat/ telegram'.
to deliver a speech/lecture	(مُحَاضِرَةً) يُلْقِي خُطْبَةً /yulqī khutbatan (muḥāḍaratan)/ harfiah: 'membaling pidato/ kuliah'
to deliver news	يَنْقُلُ أَخْبَارًا /yanqulu akhbāran/ harfiah: 'memindahkan akhbar'
to deliver a blow	يُوجِّهُ ضَرْبَةً /yuwajjihu ḍarbatan/ harfiah: 'membimbing pukulan'

to deliver a verdict	يُصَدِّرُ حُكْمًا /yuṣḍiru ḥukman/ harfiah: 'mengeluarkan keputusan (mahkamah)'
to deliver a baby	يُولِّدُ امْرَأَةً /yuwallidu mra'atan/ harfiah: 'membidani perempuan'

Tentang kolokasi bahasa Arab *يُولِّدُ امْرَأَةً* /yuwallidu mra'atan/ yang secara harfiah bermakna 'membidani perempuan' atau 'membantu perempuan dalam melahirkan bayinya', Baker (1992: 49) mengingatkan bahawa bahasa Arab memfokuskan perhatian pada perempuan dalam proses melahirkan, manakala bahasa Inggeris memfokuskan perhatiannya pada bayi. Menurutnya, dalam bahasa Inggeris moden ungkapan *delivering a woman* tidak akan diterima. Ini mencadangkan bahawa perbezaan dalam pola kolokasi di antara bahasa-bahasa tidak semata-mata masalah dalam penggunaan KK yang berbeza yang berkolokasi dengan KN tertentu. Perbezaan lebih wujud dalam cara memerikan peristiwa yang berbeza-beza, dan bergantung pada sudut pandang masyarakat pengguna bahasa itu sendiri.

Contoh kolokasi bahasa Arab *يُولِّدُ امْرَأَةً* /yuwallidu mra'atan/ yang dikemukakan oleh Baker di atas yang merupakan padanan kolokasi bahasa Inggeris *to deliver a baby*, kesnya sama dengan kolokasi *lima puluh ekor lembu* yang diterjemahkan ke bahasa Arab menjadi *خَمْسُونَ رَأْسًا مِنَ الْبَقَرِ* /khamṣūna ra'san min al-baqar/ yang secara harfiah bererti 'lima puluh kepala lembu'. Pemadanan *ekor* dengan *kepala* berpunca pada perbezaan sudut pandang masyarakat Arab dan masyarakat Melayu (lihat sub-bab 3.3).

Kolokasi juga telah dikaji sebagai bahagian dari proses penterjemahan Arab-Inggeris dan Inggeris-Arab. Khūjalīy (2004) menjelaskan dengan lebih terperinci tentang pentingnya kolokasi dalam proses penterjemahan. Kemampuan mengenali kolokasi akan menjadikan penterjemah mampu memahami makna unsur-unsur

leksikal. Dengan kemampuan ini, penterjemah akan dapat menemukan makna yang lebih tepat dalam BT dengan memilih kata-kata yang berkolokasi yang sesuai dan menghindari penterjemahan harfiah sehingga tidak membuat terjemahan yang tidak jelas dan tidak bersepadu. Khūjalīy (2004: 3) mencadangkan penterjemah agar menguasai kolokasi sama ada dari segi pemahaman atau pun dari segi penggunaan. Ia harus memahami kolokasi dengan baik, kerana ia tidak mungkin dapat memahami perkataan dalam keadaan tertentu kecuali dengan mengetahui perkataan yang berkolokasi dengannya. Contoh yang diberikan Khūjalīy adalah kata bahasa Inggeris *dress* yang dapat berkolokasi dengan sejumlah kata sehingga membentuk kolokasi seperti *dress the chicken*, *dress the child*, *dress the wound*, *dress the salad*, *dress the garden*. Makna perkataan *dress* dalam setiap kolokasi ini bergantung pada kata yang muncul bersama.¹⁴

Berdasarkan pada pengalamannya sebagai juru bahasa pada *Organization of Islamic Conference* (OIC) di Jeddah, Saudi Arabia, Khūjalīy mendapati kenyataan bahawa dilihat dari segi penggunaan kolokasi, seorang penterjemah khususnya penterjemah langsung (juru bahasa), bila ia memiliki pengetahuan yang cukup tentang kolokasi, maka beberapa keuntungan akan ia perolehi. Di antara keuntungan yang dikemukakan oleh Khūjalīy adalah :

- Terhindar dari kesilapan penterjemahan harfiah, seperti kolokasi *to suspend the session* 'menangguhkan sidang'. Ungkapan ini tidak

¹⁴ Khūjalīy tidak memberikan padanannya dalam bahasa Arab. Kamus *Al-Mawrid A Modern English-Arabic Dictionary* (2000: 293), tidak memberikan contoh kolokasi seperti itu. Yang ada hanya beberapa padanan bahasa Arab, seperti يُقَوِّمُ /yuqawwim/ 'membaiki', يَكْسُوُ /yaksū/ 'memakai, mengenakan', يُزَيِّنُ /yuzayyin/ 'menghiasi', يُهَيِّئُ /yuhayyi/ 'menyediakan', dst. Penterjemah masih akan menghadapi kesukaran untuk mencari padanan kolokasi tersebut dalam bahasa Arab.

diterjemah menjadi * تَعْلِيْقُ الْجُلْسَةِ /ta'liq al-jalsat/ tetapi yang benar adalah رَفْعُ الْجُلْسَةِ /raf'u al-jalsat/. Kolokasi dalam terjemahan pertama, meskipun dikenal di kalangan penutur bahasa Arab, ia mempunyai makna yang berbeza. Yang difahami pendengar dari ungkapan تَعْلِيْقُ الْجُلْسَةِ /ta'liq al-jalsat/ adalah bahawa sidang ditangguhkan ke masa yang lain yang boleh jadi masa yang lama atau masa yang dekat. Penangguhan ini bergantung pada kondisi yang lain, sesuatu pengertian yang tidak terkandung dalam ungkapan yang kedua. Demikian pula ungkapan *the meeting ended* 'mesyuarat telah berakhir', terjemahannya dalam bahasa Arab – menurut Khūjaliy -- sebaiknya adalah اِنْفِصَالُ الْاِجْتِمَاعِ /infadā al-ijtimā'/ dan bukannya اِنْتَهَى الْاِجْتِمَاعِ /intahā al-ijtimā'/.

- Menggunakan ungkapan yang standard dan bukannya ungkapan rendah. Misalnya, untuk menterjemah ungkapan *take your time, ask someone for more time*, dan *seek someone's advice*. Juru bahasa mungkin sahaja akan menterjemah ungkapan pertama secara harfiah menjadi * خُذْ وَقْتَكَ /khudh waqtak/ 'ambillah masamu', sementara ungkapan yang benar dalam bahasa Arab tidak terdiri dari dua kata yang berkolokasi sebagaimana dalam bahasa Inggeris. Ungkapan *take your time* dalam bahasa Arab cukup dengan mengatakan تَمَهَّلْ /tamahhal/ 'perlahan-lahanlah'. Untuk ungkapan kedua, *ask someone for more time*, kerana bahasa Arab adalah bahasa yang kaya dengan sistem fleksinya, cukup dengan menambahkan beberapa huruf ke kata dasarnya yang kebetulan sama dengan kata dasar bagi ungkapan pertama iaitu مَهْلٌ /mahl/. Bentuknya setelah berlaku fleksi adalah اِسْتَمَهَّلْهُ /istamahilhu/. Demikian pula untuk ungkapan terakhir, *seek someone's advice*. Padanannya dengan

bentuk standard dalam bahasa Arab adalah *اِسْتَنْصَحَهُ* /istansāḥahu/ yang lebih baik daripada *طَلَبَ مِنْهُ النَّصِيحَةَ* /ṭalaba minhu al-naṣīḥat/ yang tampak sebagai terjemahan harfiah. Ungkapan yang ringkas seperti ini sangat bersesuaian dengan juru bahasa yang memang memerlukan cara yang paling singkat kerana ia harus segera mengalihkan perhatiannya untuk mendengar ayat berikutnya untuk ia terjemahkan.

- Terhindar dari pemilihan kosa kata yang salah dari sejumlah kosa kata yang ada. Misalnya ayat dalam bahasa Inggeris *meals will be served outside in the terrace, weather allowing*. Bagi memahami ungkapan ini, tidaklah sukar bagi yang mendengarnya, tetapi bagi penutur asli bahasa Inggeris atau bagi yang terbiasa mendengar ungkapan bahasa Inggeris yang benar, ungkapan tersebut akan terdengar janggal kerana ungkapan yang benar adalah *weather permitting* dan bukannya *weather allowing*.
- Sebahagian bahasa memiliki kolokasi khusus seperti *neat and tidy, now and then, to and fro, hale and hearty*. Ungkapan-ungkapan seperti ini diterjemah ke bahasa lain dengan perkataan yang berbeza sama sekali. Dalam bahasa Arab, kolokasi khusus *neat and tidy* padanannya bukan berupa kolokasi. Padanannya hanya terdiri dari satu kata sahaja iaitu *مُرْتَبَّ* /murattab/. Kolokasi *now and then* dapat dipadankan dengan bentuk kolokasi *بَيْنَ حَيْنٍ وَآخِرٍ* /bayna ḥīn wa ākhar/ tetapi juga dapat dipadankan dengan hanya satu kata, iaitu *أَحْيَانًا* /aḥyānan/. Kolokasi *to and fro* berpadanan dengan bentuk kolokasi juga dalam bahasa Arab, iaitu *جَيْئَةً* *وَدُهُوبًا* /jay'atan wa dhuhūban/ atau *غَادٍ رَائِحٍ* /ghādin rā'iḥ/. Ungkapan *hale and hearty* dapat diungkapkan dalam bahasa Arab dengan kolokasi *سَلِيمٍ وَمُعَافٍ* /salīm wa mu'āfan/.

- Selain itu dalam bahasa Inggeris misalnya, ada sejumlah ungkapan dengan susunan kolokasi yang tertentu seperti *day and night*, *black and white*. Ungkapan seperti ini dalam bahasa Arab susunannya adalah kebalikannya iaitu لَيْلٌ نَهَارٌ /layl nahār/ 'malam siang' dan أَبْيَضٌ وَأَسْوَدٌ /abyaḍ wa aswad/ 'putih dan hitam/'. Kolokasi dalam bahasa Melayu susunannya sama dengan yang wujud dalam bahasa Inggeris, iaitu *siang malam* dan *hitam putih*. Perbezaan bukan sahaja pada urutan kata tetapi juga pada kelas kata, seperti ungkapan مَرَضُ جُنُونِ الْبَقَرِ /marāḍ junūn al-baqar/ harfiah 'penyakit gila lembu', maksudnya 'penyakit lembu gila' yang dalam bahasa Inggeris *mad cow disease* dan bukannya *disease of madness of cows*.
- Merujuk kepada kamus kolokasi yang akan membantu penterjemah bagi memastikan bahawa dirinya tidak melakukan kesilapan. Hal itu kerana tidak setiap kosa kata dapat berkolokasi dengan perkataan positif dan negatif. Sebahagian perkataan dapat berkolokasi dengan kosa kata negatif tetapi tidak dapat berkolokasi dengan kosa kata positif, seperti perkataan *assumption* 'anggapan' yang dapat berkolokasi dengan kosa kata negatif iaitu *unwarranted* sehingga berbunyi *unwarranted assumption* 'anggapan yang tidak wajar'. Kata itu tidak dapat berkolokasi dengan kosa kata positif sehingga tidak ada ungkapan * *warranted assumption* 'anggapan wajar'. Namun demikian kata yang sama dapat berkolokasi dengan kata lainnya sama ada dalam bentuk positif atau pun negatif, seperti *likely assumption* 'anggapan yang mungkin' dan *unlikely assumption* 'anggapan yang tidak mungkin' atau *tenable assumption* 'anggapan yang boleh dipercayai' dan *untenable assumption* 'anggapan yang tidak boleh

dipercaya'. Dalam bahasa Arab ada ungkapan seperti **أَنَّ بَلَدًا حَقَّقَ مُنْمُوًّا** /anna baladan ḥaqqāqa numuwwan iqtisādiyyan lā yustahānu bihi/ 'bahawa sebuah negara telah merealisasikan pertumbuhan ekonomi yang tidak dapat dipandang remeh' dan tidak pernah terdengar ungkapan dengan bentuk positif *** حَقَّقَ مُنْمُوًّا يُسْتَهَانُ بِهِ** /ḥaqqāqa numuwwan yustahānu bihi/ 'merealisasikan pertumbuhan yang dipandang enteng', tetapi digunakan ungkapan **حَقَّقَ مُنْمُوًّا لَا يُذَكَّرُ** /ḥaqqāqa numuwwan lā yuzkar/ 'merealisasikan pertumbuhan yang tidak patut disebut'.

Kenyataan bahwa kolokasi mendatangkan kesan yang sangat mendalam pada proses penterjemahan mendorong dilakukannya berbagai kajian kolokasi dalam penterjemahan. Kebanyakan kajian-kajian ini mengklasifikasikan kolokasi bahasa Arab secara semantik atau sintaktik dengan memberi cadangan bagi mengatasi kesulitan yang muncul dalam menterjemahnya ke bahasa target. Emery (1988, 1991), dan El-Gemei (1998) meminjam klasifikasi Aisenstadt (1978) dan Cowie (1983) terhadap kolokasi bahasa Inggeris dan menerapkannya terhadap kolokasi bahasa Arab dengan membaginya menjadi tiga jenis.

Yang pertama adalah *open collocations* 'kolokasi terbuka', di mana 'setiap elemen digunakan dalam makna harfiah yang umum (Cowie, 1983: xiii). Misalnya, **وَقَّعَ الْمُعَاهَدَةَ** /waqqa'a al-mu'āhadat/ 'ia menandatangani perjanjian' di mana kedua-dua kata yang berkolokasi tersebut dapat terlibat dalam hubungan kolokasi dengan banyak unsur leksikal. KK **وَقَّعَ** /waqqa'a/ 'menandatangani', misalnya, dapat berkolokasi dengan KN seperti **خِطَاب** /khitāb/ 'surat', **كِتَاب** /kitāb/ 'buku', atau **وِثِيقَةٌ** /wathīqat/ 'dokumen'. Jenis kolokasi seperti ini dapat dengan mudah diterjemah ke bahasa Inggeris kerana terdapat di dalam kamus-kamus dwibahasa Inggeris-Arab,

juga Arab-Melayu. Emery (1991: 60) memberi contoh *بَدَأَتْ (انْتَهَتْ) الْحَرْبُ* (الْمَعْرَكَةُ) /bada'at (intahat) al-ḥarb (al-ma'rakat/ yang dengan mudah diterjemah dalam bahasa Inggeris 'the war (battle) began/ ended', juga ke bahasa Melayu 'perang (pertempuran) telah bermula/ berakhir'.

Jenis yang kedua adalah *restricted collocations* 'kolokasi terhad', di mana salah satu dari kedua-dua unsur leksikal yang berkolokasi "has figurative sense not found outside that limited context" (Cowie, 1983: xii). Maksudnya, di antara unsur leksikal yang berkolokasi itu mengandungi makna figuratif yang tidak ditemui di luar konteksnya yang terhad. Misalnya, *كَبِدِ السَّمَاءِ* /kabid al-samā'/ 'tengah-tengah langit'. Kata *كَبِدِ* /kabid/ secara harfiah bererti 'hati' tetapi dalam makna figuratif yang terhad ini menandai bahagian tengah atau pusat langit. Meskipun jenis kolokasi ini dapat ditemui dalam kamus-kamus Arab-Inggeris, atau Arab-Melayu, maknanya tidaklah mudah diduga (lihat pembahasan Heliel di atas tentang kata *heavy*)

Jenis kolokasi yang ketiga adalah *bound collocations* 'kolokasi terikat' yang "memperlihatkan penentuan kontekstual yang unik, dengan kata lain, salah satu dari unsur-unsur dipilih secara unik dari yang lainnya". Cowie (1981: 228) memerikannya sebagai "a bridge category between collocations and idiom". Pemilihan unsur leksikal biasanya dilakukan secara khusus, iaitu yang tidak bermakna harfiah. Kolokasi jenis ini agak tidak umum dalam bahasa Inggeris, tetapi banyak didapati dalam bahasa Arab kerana bahasa ini memiliki sistem derivasi yang sangat kaya yang membolehkan akar kata atau pola kombinasi tertentu dipilih bagi berkolokasi dengan unsur leksikal. (Emery 1991: 61) memberi contoh *حَرْبُ ضَرُوسٍ* /ḥarb ḍarūs/ 'fierce, murderous war' dan *جَيْشٌ جَرَّارٌ* /jaysy jarrār/ 'huge, tremendous army'. KA *ضَرُوسٍ* /ḍarūs / berasal dari KK *ضَرَسَ* /ḍarasa/ 'menggigit dengan gigi geraham/. Makna yang diberikan oleh kamus *الْمُعْجَمِ الْعَرَبِيِّ الْأَسَاسِيِّ* /al-mu'jam al-

'arabīy al-asāsīy/ untuk ungkapan حَرْبٌ ضَرُوسٌ /ḥarb ḍarūs/ adalah شَدِيدَةٌ مُهْلِكَةٌ /syadīdaṭ muhlikaṭ/ 'keras membinasakan'. Di sini tampak bahawa makna yang terkandung dalam BT tidak sepenuhnya mengalihkan makna dalam BS, dan ini merupakan salah satu punca kesukaran dalam menterjemah kolokasi jenis ini.

Baker (1992) menyebutkan kesulitan lain dalam menterjemah kolokasi. Kesulitan tersebut berkaitan dengan kolokasi budaya tertentu, kolokasi yang mencerminkan keagamaan tertentu, tradisi politik atau sosial yang tidak lazim bagi komuniti BT. Katanya, "*some collocations are in fact a direct reflection of the material, social, or moral environment in which they occur*" (ms 59). Oleh itu, dalam bahasa Inggeris kata *bread* lazim berkolokasi dengan kata *butter*, dan tidak lazim dalam bahasa Arab. Kolokasi "*law and order*" dalam bahasa Inggeris diterjemah ke bahasa Arab menjadi الْقَانُونُ وَالْتَّعَالِيدُ /al-qānūn wa al-taqālīd/ 'undang-undang dan tradisi'. Kolokasi bahasa Inggeris mencerminkan pemilihan komuniti Inggeris terhadap *undang-undang dan peraturan* dalam budaya yang menggunakan bahasa Inggeris, manakala kolokasi bahasa Arab mencerminkan pemilihan *undang-undang dan tradisi* dalam budaya yang menggunakan bahasa Arab (Baker 1992: 49).

El-Gemei (2006: 437) memberikan contoh lain, iaitu kolokasi yang berasal dari bahasa Arab dialek Mesir يَشْرَبُ شَرَبَةً /isyrab syarbat/ yang secara harfiah bererti 'ia minum sirap'. Kolokasi ini mencerminkan kebiasaan yang lazim dilakukan oleh masyarakat Mesir (juga bangsa Arab lainnya): mereka minum minuman seperti itu bagi meraiakan kegembiraan sempena perkahwinan, kelahiran, dan kesuksesan seperti lulus peperiksaan atau mendapat promosi. Menurutnya, teknik penterjemahan yang digunakan dalam menterjemah kolokasi jenis ini adalah bergantung pada jenis teks dan tujuan penterjemahannya. Bila kolokasi itu muncul dalam teks sastera di mana tujuan penterjemahannya itu adalah memberikan gambaran teks asal secara

tepat dalam BS, penterjemah sebaiknya memberikan terjemahan harfiah untuk kolokasi seperti itu, disertai parafrasa yang menjelaskan konotasi sosialnya. Bila kolokasi seperti itu muncul dalam teks bukan sastera, penterjemah dapat memberikan padanan fungsional, dengan mengganti kolokasi dengan merujuk pada kebiasaan sosial yang selaras dalam masyarakat lain. Dalam kes masyarakat yang menggunakan bahasa Inggeris, adalah minum *champagne*.

3.8 Strategi Penterjemahan Idiom, Ungkapan Tetap dan Peribahasa

Secara umum, masalah penterjemahan idiom, ungkapan tetap dan peribahasa ke bahasa lain merupakan bidang kajian dalam banyak bahasa. Bagi menghasilkan terjemahan yang wajar dari teks yang "*effectively exploits the total idiomatic capacities*" adalah bukan pekerjaan yang mudah, dan di antara yang harus dilakukannya adalah "*...to produce something relatively equivalent in the receptor language*" (Nida, 2000: 133).

Penterjemahan idiom secara harfiah adalah mustahil kerana akan menghasilkan makna yang berbeza atau perkataan yang tidak bermakna sama sekali (Quwaydir, 2000: 93; Yūsuf, 2006: 62).

3.8.1 Strategi Quwaydir

Quwaydir (2000: 97-103) mencadangkan tiga langkah dalam menterjemah idiom, ungkapan tetap atau peribahasa – dalam hal ini idiom bahasa Inggeris ke bahasa Arab -- , iaitu:

- (1) Mewujudkan idiom bahasa Arab yang serupa dengan idiom bahasa Inggeris dalam susunannya dan/atau dalam kosa katanya. Seperti: *no smoke without fire*: لَا دُخَانَ بِلَا نَارٍ /lā dukhān bi lā nār/ 'tidak ada asap

tanpa api', *shed crocodile's tears*: يُظْرِفُ دُمُوعَ التَّمَّاسِيحِ /yuzrifu dumū'a al-tamāsīh/ 'menitiskan air mata buaya'; *give (someone) the green light*: يُعْطِي الضُّوْءَ الْأَخْضَرَ /yu'tī al-ḍaw'a al-akhḍar/ 'memberi lampu hijau'; *fish in troubled water*: يَصْطَادُ فِي الْمَاءِ الْعَكْرِ /yaḥṭādu fī al-mā'i al-'akir/ 'memancing di air keruh'; *cast light on*: يُلْقِي الضُّوْءَ عَلَى /yulqī al-ḍaw'a 'alā/ 'memberi penjelasan tentang'.

Apa yang dicadangkan oleh ini Quwaydir dilakukan oleh Yusoff Zaky Haji Yaqob dan pasukan penterjemah Gema Insani Press manakala menterjemahkan idiom bahasa Arab فَلْدَةٌ كَبِدٌ /fildhaṭ kabid/ menjadi 'jantung hati' dalam Melayu-Malaysia (M/2/315) dan 'buah hati' dalam Melayu-Indonesia (I/2/64)¹⁵.

- (2) Menterjemah idiom (bahasa Inggeris) ke bahasa Arab dengan susunan dan/ atau kosa kata yang berbeza. Penterjemahan seperti ini disebut "penterjemahan idiomatis" (Newmark, 1988: 47) Seperti: *diamonds cut diamonds*: لَا يَفُلُّ الْحَدِيدَ إِلَّا الْحَدِيدُ /lā yafullu al-ḥadīda illā al-ḥadīdu/ 'tidak ada yang dapat menumpulkan besi selain besi'; *even Homer sometimes nods*: لِكُلِّ جَوَادٍ كَبْوَةٌ /li kulli jawād kabwah/ harfiah 'setiap kuda pernah tergelincir'; *when in Rome, do as the Romans do*: دَارُهُمْ مَا دُمْتَ فِي دَارِهِمْ وَأَرْضُهُمْ مَا دُمْتَ فِي أَرْضِهِمْ /dāruhum mā dumta fī dārihim wa arḍuhum mā dumta fī arḍihim/ 'rumah mereka selama anda berada di rumah mereka, dan tanah mereka selama anda berada di tanah mereka'.
- (3) Menterjemah dengan memberi bentuk struktur yang baru. Langkah ini merupakan langkah terakhir setelah penterjemah tidak dapat melakukan kedua langkah di atas. Seperti *a piece of cake*: أَمْرٌ سَهْلٌ /amrun sahl/

¹⁵ Lihat pembahasan lengkap dalam subbab 6.1.2.5 Kolokasi Ungkapan Khas.

'perkara yang mudah'; *break the ice*: يُمَهِّدُ السَّبِيلَ /yumahhid al-sabīl/
 'memudahkan, meratakan jalan'; *out of collar*: عَاطِلٌ عَنِ الْعَمَلِ /'āṭil 'an al-
 'amal/ 'mengganggu'; *pull the strings*: يَسْتَعِغِلُّ نَفُودَ الْآخِرِينَ لِمَصْلَحَتِهِ
 /yastaghillu nufūdhā al-ākharīn li maṣlahātihi/ 'menggunakan pengaruh
 orang lain untuk kepentingannya'; *spill the beans*: يُفْشِي السِّرَّ /yufsyī al-
 sirra/ 'menyebarkan rahsia'.

Beberapa idiom yang disebutkan dalam contoh-contoh di atas terdapat padanannya dalam bahasa Melayu dalam bentuk peribahasa. Seperti *even Homer sometimes nods*: لِكُلِّ جَوَادٍ كَبْوَةٌ /li kulli jawād kabwaṭ/ yang secara harfiah bererti 'setiap kuda pernah tergelincir', padanannya dalam bentuk peribahasa adalah *sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan jatuh juga* (Bagindo L. Dt Nagari *et al*, 1989: 77); *when in Rome, do as the Romans do*: مَا دَارَهُمْ مَا دُمْتَ فِي دَارِهِمْ وَأَرْضُهُمْ مَا دُمْتَ فِي أَرْضِهِمْ /dāruhum mā dumta fī dārihim wa arḍuhum mā dumta fī arḍihim/ 'rumah mereka selama anda berada di rumah mereka, dan tanah mereka selama anda berada di tanah mereka', padanannya dalam bentuk peribahasa *di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung* (ibid: 34).

3.8.2 Strategi Yūsuf

Menterjemah idiom dengan idiom serupa, peribahasa dengan peribahasa serupa seperti ini adalah langkah pertama yang harus dilakukan penterjemah (Yūsuf, 2006: 62), kerana akan lebih mudah difahami oleh masyarakat pembaca BT. Bila langkah ini tidak dapat dilakukan, Yūsuf mengingatkan tentang satu kaedah yang ia sebut dengan الْقَاعِدَةُ الذَّهَبِيَّةُ /al-qā'idaṭ al-dhahabiyyaṭ/ 'kaedah emas/, iaitu :

إِذَا لَمْ يُمْكِنَ نَقْلُ التَّعْبِيرِ الإِصْطِلَاحِيِّ إِلَى اللُّغَةِ الْمَنْقُولِ إِلَيْهَا فَلَا تُحَاوَلُ
إِفْحَامُهُ فِي التَّرْجَمَةِ

/idhā lam yumkin naqlu al-ta'bir al-iṣṭilāḥī ilā al-lughati al-manqūl ilayhā
fa lā tuḥāwil iqḥāmahu fī al-tarjamat/

'apabila idiom tidak memungkinkan diubah ke BT, maka janganlah berusaha bagi melibatkan diri dalam penterjemahan tanpa berfikir'.

Sama seperti Quwaydir di atas, Yūsuf mencadangkan bahawa apabila tidak ada padanannya dalam BT (dalam hal ini bahasa Arab), maka langkah yang diambil adalah memberikan padanan dengan struktur yang baru. Seperti *to rain cats and dogs*: مَطَرٌ كَأَفْوَاهِ الْقِرَابِ /maṭar ka afwāhi al-qirab/ harfiah 'hujan seperti mulut tempat minum yang terbuat dari kulit', yang dapat diterjemahkan ke bahasa Melayu menjadi *Hujan seperti dicurahkan dari langit* maksudnya 'hujan sangat lebat'. Hoed (1995: 2) penterjemahan seperti ini disebut **modulasi** (lihat sub-bab 3.5 Prosedur Penterjemahan); *charity begins at home*: الْأَقْرَبُونَ أَوْلَى بِالْمَعْرُوفِ /al-aqrabūn awlā bi al-ma'rūf/ 'kaum kerabat lebih utama memperoleh kebaikan'.

3.8.3 Strategi Ghazala

Berbeza dari Quwaydir dan Yūsuf, Ghazala (2004), menjelaskan sembilan prosedur penterjemahan kolokasi sama ada yang berupa idiom, ungkapan tetap atau pun peribahasa dengan bahasa Arab sebagai BS, manakala bahasa Inggeris sebagai BT. Penjelasan ini sangat penting menurut penulis kerana relevan dengan topik tesis ini yang mengkaji penterjemahan kolokasi bahasa Arab ke bahasa Melayu. Kesembilan prosedur yang dikemukakan Ghazala tersebut adalah (2004: 32-33):

1. Menterjemah kolokasi bahasa Arab dengan kolokasi serupa dalam bahasa Inggeris, bila wujud. Seperti سُبَاتٌ عَمِيقٌ /subāt ‘amiq/ 'fast/sound sleep: tidur nyenyak'; قَوْلٌ سَدِيدٌ /qawl sadīd/ 'right saying: ucapan yang benar', atau diterjemah dengan satu perkataan saja, seperti حُبُّ الْإِطْلَاعِ /ḥubb al-ittilā‘/ 'curiosity: sifat ingin tahu', أُمَّهَاتُ الْكُتُبِ /ummahāt al-kutub/ 'manuscripts: manuskrip'.
2. Apabila tidak ditemukan padanannya yang berupa kolokasi, diterjemahkan dengan kombinasi kata yang paling mendekati. Misalnya, لَا غُبَارَ عَلَيْهِ /lā ghubāra ‘alayh/ harfiah 'tidak ada debu atasnya' : *nothing wrong with it*; سَلِمَتْ يَدَاكَ /salimat yadāk/ harfiah 'kedua tanganmu selamat' : *thank you*'.
3. Penterjemah boleh mencadangkan kolokasi baru, apabila kedua prosedur di atas tidak dapat dilaksanakan, di mana dua perkataan diterjemah menjadi dua perkataan, tiga perkataan menjadi tiga perkataan dsb. Misalnya, ﴿إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا﴾¹⁶ /inna ma‘a al-‘usri yusrā/ '(verily) with hardship goes ease': sesungguhnya bersama kesukaran itu ialah kemudahan, بَعْدَ جُهْدٍ جَهِيدٍ /ba‘da juhdin jahīd/ 'after a lot of trouble: setelah banyak berlaku kesusahan'.
4. Menterjemah maknanya dengan baik, sama ada dua perkataan menjadi satu perkataan, dua perkataan menjadi dua perkataan atau tiga perkataan. Misalnya, أَكَلَ الزَّمَانُ عَلَيْهِ وَشَرِبَ /akala al-zamān ‘alayhi wa syariba/ harfiah 'masa makan atasnya dan minum: *timeworn/worn out*', maksudnya 'usang, rosak, tidak berguna semula'.

¹⁶ Surah al-Syarḥ ayat 6.

5. Menterjemah makna yang jelas dalam bahasa Arab dengan makna yang jelas dalam bahasa Inggeris, makna figuratif dengan makna figuratif, tanpa harus mengikuti struktur nahunya. Misalnya, *الشَّكْلُ وَالْمَضْمُونُ* /al-syakl wa al-maḍmūn/ 'form and content'; *طَارَ صَوَابُهُ* /tāra ṣawābuh/ harfiah 'kebenarannya terbang': *to lose one's senses (mind)* 'kesedarannya hilang'
6. Apabila kolokasi dalam bahasa Arab bersifat umum atau maknanya tidak munasabah (absurd), diterjemah dengan kolokasi yang serupa. Hal itu agar terhindar dari situasi yang tidak dikehendaki dan tidak payah menjelaskan keabsurdan makna yang mungkin memang disengaja dengan tujuan khusus, seperti dalam pidato-pidato politik. Prosedur ini dengan kata lain, memperhatikan gaya bahasa kerana maknanya yang sangat penting. Misalnya kolokasi yang dinamakan oleh Ghazala dengan *التَّلَازُمُ التَّهَكُّمِيُّ* /al-talāzum al-tahākumī/ 'kolokasi ironis', iaitu kolokasi yang dalam bentuk zahir seumpama memuji, tetapi maksudnya adalah memperolokkan. Seperti, *بَطَلُ الأَبْطَالِ* /baṭal al-abṭāl/ 'the hero of heroes = wiranya para wira' *أُسْتَاذُ الأَسَاتِذَةِ* /ustādh al-asātidhah/ 'the professor of professors = profesornya para profesor'. Atau kolokasi yang berupa peribahasa *مِسمَارُ جُحَى* /mismār juḥā/ 'Juha's nail = paku Juha'.¹⁷
7. Apabila kolokasi dalam bentuk bahasa percakapan, bila memungkinkan harus diterjemah ke dalam bentuk percakapan juga. Dalam keadaan terpaksa, boleh diterjemah ke bentuk standard. Seperti *يَمْسَحُ جُوخَ* /yamsaḥ jūkh/ harfiah: 'menyapu kain tebal yang terbuat dari bulu biri-

¹⁷ Lihat Bab Pertama, contoh (19).

biri', maksudnya *'to bootlick/ to cringe'*: 'mengambil muka, menjilat pantat'; صَافِي يَا لَبَنَ /sāfi yā laban/ harfiah: 'jernihlah wahai susu', maksudnya *'no grudge borne/ no hard feelings'*: 'tiada rasa dendam atau marah; jangan simpan di hati'.

8. Apabila kolokasi dalam bentuk bahasa standard, harus diterjemah ke dalam bentuk standard yang sama, tidak boleh berubah menjadi bahasa percakapan. Seperti قَصِيرُ الْقَامَةِ /qaṣīr al-qāmaṭ/ *'short/ humpty dumpty'*.
9. Apabila prosedur-prosedur di atas tidak dapat dilakukan sama sekali, maka kolokasi bahasa Arab diterjemah secara harfiah. Kemungkinan berlakunya makna yang salah, besarnya sama dengan kemungkinan berlakunya makna yang benar. Seperti اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ /al-salām 'alaykum/ *'peace be with (to) you = selamat sejahtera kepada kamu semua'* عَظَّمَ اللهُ أَجْرَكُمْ /'azzama allāhu ajrakum/ *'may God console you = semoga Allah melipat gandakan pahalamu'*; لَا جَزَاءَ وَلَا شُكْرًا /lā jazā'a wa lā syukūra/ *'neither reward nor thanks = tidak ada balasan dan tidak ada pula ucapan terima kasih'*.

3.8.4 Strategi Ainon Muhammad

Seperti telah dikemukakan pada bab lampau bahawa di antara sumber kolokasi bahasa Arab adalah bahasa asing yang kemudian dikenal sebagai *kolokasi pinjaman*. Bahasa asing yang paling banyak menyumbang konsep kolokasi bahasa Arab adalah bahasa Inggeris melalui penterjemahan para wartawan. Oleh itu, tidak ada salahnya apabila kita juga memperhatikan beberapa strategi yang diberikan oleh Ainon Muhammad (2007: 71-73) yang banyak memberikan contoh penterjemahan Inggeris ke Melayu dan sebaliknya. Menurutnya, antara masalah yang paling kerap

dihadapi dalam pemindahan makna timbul dalam bidang-bidang yang berikut: (1) simpulan bahasa, (2) makna figuratif, (3) peralihan pusat makna, (4) makna am dan makna khas, (5) penyebaran semula unsur makna, dan (6) tambahan unsur konteks. Dalam kaitannya dengan penterjemahan dari bahasa Arab ke Melayu, penulis hanya membahas sebahagian dan contoh-contoh berasal dari penulis, bukan dari Ainon Muhammad.

(1) *Strategi menterjemahkan simpulan bahasa.* Salah satu definisi kolokasi yang diberikan oleh *Kamus Dewan* adalah *gabungan (kelompok) kata yang khusus (tertentu) untuk menyatakan sesuatu maksud, simpulan bahasa.* Ainon Muhammad mensejajarkan antara simpulan bahasa dan peribahasa. Menurutnya, kedua bentuk ungkapan ini apabila diterjemahkan, pasti akan mengalami perubahan. Bagi menterjemahkan simpulan bahasa dan peribahasa ini, Ainon Muhammad mengemukakan tiga strategi, iaitu:

(a) Daripada simpulan bahasa menjadi bukan simpulan bahasa. Perubahan ini berlaku bila dalam BT tidak ditemui padanannya. Misalnya,

(95) فَاقِدُ الشَّيْءِ لَا يُعْطِيهِ
/fāqid(u) al-syay'(i) lā yu'tīhi/
'orang yang tidak memiliki apa-apa tidak dapat memberi'.

(b) Daripada simpulan bahasa menjadi simpulan bahasa. Misalnya,

(96) بَيِّضَةُ الْيَوْمِ خَيْرٌ مِنْ دَجَاجَةِ الْعَدِّ
/bayḍat(u) al-yawm khayr(un) min dajājat(i) al-ghadd(i)/
'telur hari ini lebih baik daripada ayam esok hari'

Peribahasa bahasa Arab di atas memperoleh padanan peribahasa Melayu
Harapkan burung terbang tinggi, punai di tangan dilepaskan

Lihat juga contoh (20) dalam Bab Pertama.

- (c) Daripada bukan simpulan bahasa menjadi simpulan bahasa. Misalnya, KA
الْعَيْدُ /al-'anīd/ 'degil' dalam bahasa Arab yang hanya terdiri dari sebuah
kata dalam bahasa Melayu menjadi simpulan bahasa *kepala batu*.
Menurut Ainon Muhammad, peralihan seperti ini akan membuat
terjemahan lebih menarik dibaca, kerana maklumat akan jadi lebih bererti
dalam bahasa dan kehidupan pembaca terjemahan itu.

- (2) *Strategi menterjemahkan makna figuratif dalam satu perkataan*. Strategi
yang digunakan sama seperti dalam menterjemahkan simpulan bahasa,
iaitu:

- (a) Daripada figuratif menjadi bukan figuratif. Misalnya, فَلْدَةُ الْكَبْدِ
/fildhatu al-kabdi/ 'potongan hati' diterjemah menjadi 'anak'.
(b) Daripada figuratif menjadi figuratif. Misal, فَلْدَةُ الْكَيْدِ /fildhatu al-
kabd/ 'potongan hati' diterjemah menjadi 'cahaya mata'.
(c) Daripada bukan figuratif menjadi figuratif. Misal, KK تَزْوُجُ
/tazawwaja/ 'berkahwin' diterjemah menjadi 'berumah tangga'.

3.9 Penutup

Dari pembahasan di atas tampak bahawa kajian tentang penterjemahan
kolokasi bahasa Arab dilakukan dengan menganalisis kolokasi bahasa Arab dan
masalah penterjemahannya ke bahasa Inggeris atau sebaliknya. Tiada seorang linguist
pun yang pernah mengkaji masalah penterjemahan kolokasi bahasa Arab ke bahasa
Melayu. Oleh itu, perkara ini masih kekal menjadi "masalah". Dengan demikian,

penyelidikan ini akan sangat membantu bagi siapa sahaja yang terlibat dalam penterjemahan Arab-Melayu.

Bagi memudahkan menterjemah kolokasi bahasa Arab ke bahasa Melayu, penterjemah dapat merujuk kepada beberapa kamus kolokasi dan kamus idiom bahasa Arab yang boleh membantu mengenali, memahami dan mentafsirkannya terlebih dahulu sebelum menterjemahnya.